LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

TERENGGANU

TAHUN 2022

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

TERENGGANU

TAHUN 2022

ISSN 2811-4256
9 772811 425006

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:
Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: https://www.audit.gov.my
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2023

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.

PNMB

Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2023

Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN 3

RINGKASAN KESELURUHAN LKAN SECARA INFOGRAFIK 7
PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN 9

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Ringkasan Eksekutif 15
Pendahuluan 17
Objektif dan Metodologi Pengauditan 18
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 19

BAHAGIAN II
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Ringkasan Eksekutif 23
Latar Belakang 27
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri 27
Penyata Prestasi Kewangan 28
Kumpulan Wang Disatukan 29
Wang Awam 30
Akaun Hasil Disatukan 32
Akaun Pinjaman Disatukan 41
Akaun Amanah Disatukan 42
Penyata Akaun Memorandum 57
Nota Kepada Penyata Kewangan 60
Rumusan Audit 62
Syor Audit 63

BAHAGIAN III
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TERENGGANU

Ringkasan Eksekutif 67
Pendahuluan 69
Pengauditan Penyata Kewangan 69
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan 70
Pemakaian Piawaian Perakaunan 71
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan 72
Pembentangan Penyata Kewangan 77
Rumusan Audit 78
Syor Audit 79

BAHAGIAN IV
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI TERENGGANU

Ringkasan Eksekutif 83
Pengenalan 87
Pejabat Tanah Dungun 91
Pejabat Tanah Kuala Nerus
Pejabat Tanah Kemaman
1. Kutipan Hasil Cukai Tanah

Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu 101
2. Kutipan Hasil Duti Hiburan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Perumahan) 113
3. Terimaan Hasil Sewa Beli Rumah Mampu Milik

Majlis Daerah Hulu Terengganu 121
4. Kutipan Hasil Sewaan Premis Perniagaan

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu 133
5. Kutipan Tunggakan Pinjaman Program Jaya Diri

BAHAGIAN V
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI TERENGGANU

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri 143
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri 143

PENUTUP 147

LAMPIRAN

Lampiran I	-	Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu	151
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri Terengganu	155
Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	156
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	157
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	159
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	160
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	161

AKRONIM 181

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 mengkehendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Terengganu, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu yang akan memperkenan laporan itu untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2022 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:

i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
iii. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri;
iv. Pengauditan Pematuhan; dan
v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2022. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2022, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

12 September 2023

RINGKASAN KESELURUHAN

RINGKASAN KESELURUHAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI TERENGGANU TAHUN 2022

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU TAHUN 2022

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Pendapat Tanpa Teguran

PRESTASI KEWANGAN

1 HASIL

2022	RM1.779 Bilion
2021	RM1.593 Bilion

RM185.81 Juta (11.7%)

2 BELANJA

2022	RM2.401 Bilion
2021	RM1.827 Bilion

RM573.82 Juta (31.4%)

Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit **RM622.58 juta** berbanding defisit RM234.57 juta (2021)

KUMPULAN WANG DISATUKAN



BAKI KUMPULAN WANG DISATUKAN

2022	RM288.33 Juta
2021	RM334.52 Juta

-13.8%

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

2022 – RM 151.89 Juta
2021 – RM 157.38 Juta

HUTANG AWAM

2022 – RM252.63 Juta
2021 – RM266.36 Juta

3 SYOR AUDIT

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2022

17 Agensi Negeri

- 9 Badan Berkanun Negeri (BBN)
- 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 1 Majlis Agama Islam (MAI)

Telah dikemukakan

- 6 BBN
- 7 PBT
- 1 MAI

Belum dikemukakan

- 3 BBN

Pengesahan Penyata Kewangan Tahun 2021



Jenis Sijil Ketua Audit Negara

- Tanpa Teguran
- Tanpa Teguran Dengan Perenggan Penegasan Perkara
- Tanpa Teguran Dengan Perenggan Hal-hal Lain
- Berteguran

Status Pengauditan Penyata Kewangan Tahun 2022



- Selesai diaudit dan dalam proses pensijilan
- Dalam proses pengauditan
- Belum dikemukakan

Pembentangan Penyata Kewangan Tahun 2021 Di Dewan Undangan Negeri

- 13 Telah dibentangkan
- 2 Belum dibentangkan
- 2 Tidak perlu dibentangkan

3 SYOR AUDIT

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI TERENGGANU

7 JABATAN/AGENSI NEGERI → **6 PENEMUAN AUDIT** → **8 SYOR AUDIT**

1. **Pejabat Tanah Dungun, Kuala Nerus & Kemaman** — Cukai tanah terkurang kutip **RM38,678** setahun
2. **Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu** — Duti hiburan tidak dikutip **RM2.48 juta**; Duti tiket pawagam tidak dikutip **RM26,377**
3. **Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Perumahan)** — Kutipan sewa beli tidak diterima **RM2.15 juta**
4. **Majlis Daerah Hulu Terengganu** — Tunggakan sewa tidak dikutip **RM2.12 juta**
5. **Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu** — Tunggakan pinjaman Program Jaya Diri **RM379,144**

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI TERENGGANU TAHUN 2022

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2022. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri; Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri; dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

a. Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah ditandatangani pada 20 Ogos 2023.

b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

a. Kutipan hasil pada tahun 2022 meningkat sejumlah RM185.81 juta atau 11.7% menjadi RM1.779 bilion. Bagaimanapun, perbelanjaan meningkat sejumlah RM573.82 juta atau 31.4% menjadi RM2.401 bilion pada tahun 2022 berbanding RM1.827 bilion pada tahun 2021.

b. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2022 menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM155.74 juta, menurun sebanyak RM123.11 juta berbanding kurangan berjumlah RM32.63 juta pada tahun 2021. Lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun menjadi RM14.99 juta atau 91.2% berbanding RM170.73 juta pada tahun 2021.

c. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 menunjukkan penurunan berjumlah RM109.55 juta atau 66.9% menjadikan baki pada tahun 2022 berjumlah RM273.34 juta berbanding RM163.79 juta pada tahun 2021. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2021 dan 2022 berbaki sifar. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM288.33 juta, iaitu menurun sejumlah RM46.19 juta (13.8%) berbanding RM334.52 juta pada akhir tahun 2021.

d. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM5.49 juta atau 3.5% daripada RM157.38 juta pada tahun 2021 kepada RM151.89 juta pada tahun 2022. Jumlah Hutang Awam menurun sejumlah RM13.73 juta atau 5.2% menjadi RM252.63 juta berbanding RM266.36 juta pada tahun 2021.

1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri

a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 17 agensi negeri yang terdiri daripada sembilan Badan Berkanun Negeri (BBN), tujuh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan satu Majlis Agama Islam (MAI).

b. Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak 14 daripada 17 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 untuk diaudit manakala baki tiga agensi negeri lagi masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 untuk diaudit. Daripada 14 penyata kewangan agensi negeri yang telah diterima, lima telah selesai diaudit dan dalam proses pensijilan manakala sembilan lagi masih dalam proses pengauditan.

c. Setakat 31 Ogos 2023, daripada kesemua 17 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2021 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara, 13 telah dibentangkan di DUN manakala dua penyata kewangan lagi masih belum dibentangkan. Bagi Majlis Sukan Negeri Terengganu dan Lembaga Sumber Air Terengganu, undang-undang penubuhannya tidak menetapkan penyata kewangan perlu dibentangkan di DUN.

1.4. Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri

a. Pada tahun 2022, sebanyak lima pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap lima jabatan dan dua agensi negeri dan enam penemuan audit telah dibangkitkan seperti berikut:

i. Kutipan hasil cukai tanah di Pejabat Tanah Dungun, Pejabat Tanah Kuala Nerus dan Pejabat Tanah Kemaman

- cukai tanah terkurang kutip berjumlah RM38,678 setahun.

ii. Kutipan hasil duti hiburan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu

- duti hiburan tidak dikutip berjumlah RM2.48 juta; dan

- duti tiket pawagam tidak dikutip berjumlah RM26,377.

iii. Terimaan hasil sewa beli Rumah Mampu Milik (RMM) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Perumahan)

- kutipan sewa beli berjumlah RM2.15 juta tidak diterima.

iv. Kutipan hasil sewaan premis perniagaan di Majlis Daerah Hulu Terengganu

- tunggakan sewa sejumlah RM2.12 juta tidak dikutip.

v. Kutipan tunggakan pinjaman Program Jaya Diri (PJD) di Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

- tunggakan pinjaman berjumlah RM379,144 melibatkan 189 peminjam yang telah tamat tempoh perjanjian.

2. Secara keseluruhannya, sebanyak 14 syor Audit diberikan oleh Ketua Audit Negara iaitu enam berkaitan pengauditan penyata kewangan (tiga kepada Kerajaan Negeri dan tiga kepada agensi negeri) serta lapan berkenaan pengauditan pematuhan.

BAHAGIAN I

Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai.

- Penyata ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tahun 2022 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)*(a)* Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

- Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

FAKTA UTAMA

1 Januari hingga 31 Disember 2022 Tahun kewangan Kerajaan Negeri	**31 Julai 2023** Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	**30 Mac 2023** Tarikh sebenar penyerahan penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	• Penyata Kedudukan Kewangan • Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai • Penyata Prestasi Kewangan • Penyata Akaun Memorandum • Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran	

1. PENDAHULUAN

1.1. Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 kepada Ketua Audit Negara pada **30 Mac 2023.** Penyata ini melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2022 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi maksud Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2022. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti terimaan amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain seperti bayaran amanah.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula adalah Hutang Awam iaitu hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Hutang Kerajaan Negeri adalah bagi maksud Rancangan Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2022. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu dan jabatan negeri yang berkenaan melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Selain itu, Mesyuarat Penutup yang dipengerusikan oleh YBM Setiausaha Kerajaan Negeri dan dihadiri oleh ketua jabatan dan kakitangan Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu telah diadakan pada 20 Ogos 2023.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan piawaian pengauditan yang diluluskan serta International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2022 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2022 yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan Negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara menyeluruh pada akhir tahun 2022, di samping membantu Kerajaan Negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM288.33 juta, iaitu menurun sebanyak RM46.19 juta berbanding RM334.52 juta pada akhir tahun 2021.

- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM155.74 juta berbanding kurangan berjumlah RM32.63 juta pada tahun 2021. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM185.81 juta atau 11.7% menjadi RM1.779 bilion berbanding RM1.593 bilion pada tahun 2021.

- Perbelanjaan mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berjumlah 1.354 bilion meningkat sebanyak RM218.92 juta atau 19.3% berbanding RM1.135 bilion pada tahun 2021.

- Baki Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2022 mencatatkan lebihan sejumlah RM14.99 juta berbanding RM170.73 juta pada tahun 2021.

- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan Negeri pada tahun 2022 adalah baik, iaitu sejumlah RM1.031 bilion atau 94.8% telah dibelanjakan berbanding RM1.088 bilion peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 2,216 projek telah dirancang, yang mana 2,125 projek (95.9%) telah disiapkan sepenuhnya, 44 projek (2.0%) sedang dilaksanakan dan 47 projek (2.1%) belum dimulakan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM5.49 juta atau 3.5% daripada RM157.38 juta pada tahun 2021 kepada RM151.89 juta pada tahun 2022. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM4.18 juta atau 210.1% daripada RM1.99 juta pada tahun 2021 kepada RM6.17 juta pada tahun 2022.

- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM13.73 juta atau 5.2% menjadi RM252.63 juta berbanding RM266.36 juta pada tahun 2021. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM15.54 juta atau 29.6% menjadi RM68 juta berbanding RM52.46 juta pada tahun 2021.

Apa yang disyorkan Audit?

- Kerajaan Negeri perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa.

- Kerajaan Negeri perlu mengamalkan pengurusan kewangan lebih berhemat dan disiplin fiskal yang tinggi demi memastikan keadaan kewangan terus kukuh dan terkawal tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri adalah disyorkan:

  - mengenal pasti sumber hasil baharu dan melaksanakan perbelanjaan secara terarah serta berhemat bagi meningkatkan prestasi kewangan negeri;

  - memastikan kelulusan khas pembayaran AP 58(a) dikurangkan bagi mengelakkan penggunaan peruntukan tahun semasa dan mengawal perbelanjaan; dan

- mengamalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Terengganu.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2022 - RM1.779 bilion	2022 – RM14.99 juta	2022 – RM151.89 juta
2021 - RM1.593 bilion	2021 – RM170.73 juta	2021 – RM157.38 juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN
2022 – RM2.401 bilion	2022 - RM0	2022 – RM0
2021 - RM1.827 bilion	2021 - RM0	2021 – RM0
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2022 – RM273.34 juta	2022 – RM252.63 juta
	2021 – RM163.79 juta	2021 – RM266.36 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2022, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit dijalankan terhadap Penyata Kedudukan Kewangan; Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai; Penyata Prestasi Kewangan; Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mencatatkan kurangan keseluruhan berjumlah RM622.58 juta iaitu meningkat sebanyak RM388.01 juta atau 165.4% berbanding kurangan keseluruhan RM234.57 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan belanja pembangunan sebanyak RM354.90 juta atau 51.3%. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
HASIL	**1,778.53**	**1,592.72**	**185.81**	**11.7**
Hasil Cukai	75.27	67.82	7.45	11.0
Hasil Bukan Cukai	217.38	148.09	69.29	46.8
Terimaan Bukan Hasil	1,485.88	1,376.81	109.07	7.9
(-) PERBELANJAAN	**2,401.11**	**1,827.29**	**573.82**	**31.4**
Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	1,354.27	1,135.35	218.92	19.3
Belanja Pembangunan	1,046.84	691.94	354.90	51.3
LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN	**(622.58)**	**(234.57)**	**(388.01)**	**(165.4)**
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	51.02	42.31	8.71	20.6
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	571.56	192.26	379.30	197.3
JUMLAH PEMBIAYAAN	**622.58**	**234.57**	**388.01**	**165.4**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

3.3. **Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2022 adalah stabil walaupun Kerajaan Negeri mengalami kurangan keseluruhan pada tahun 2022 berjumlah RM622.58 juta.**

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan pada akhir tahun 2022, Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM288.33 juta terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM128.33 juta dan pelaburan berjumlah RM160 juta. Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan penurunan sebanyak RM46.19 juta atau 13.8% berbanding RM334.52 juta pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	**14.99**	**170.73**	**(155.74)**	**(91.2)**
Akaun Pinjaman Disatukan	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0.0**
Akaun Amanah Disatukan:	**273.34**	**163.79**	**109.55**	**66.9**
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	*8.95*	*(126.59)*	*135.54*	*107.1*
• *Kumpulan Wang Pembangunan*	*(1,073.21)*	*(672.77)*	*(400.44)*	*59.5*
• *Kumpulan Wang Bekalan Air*	*49.79*	*65.17*	*(15.38)*	*(23.6)*
• *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan*	*1,032.37*	*481.01*	*551.36*	*114.6*
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	*118.51*	*104.98*	*13.53*	*12.9*
iii. Akaun Wang Deposit	*145.88*	*185.40*	*(39.52)*	*(21.3)*
JUMLAH	**288.33**	**334.52**	**(46.19)**	**(13.8)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

4.2. Penurunan Kumpulan Wang Disatukan adalah disebabkan oleh penurunan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM155.74 juta atau 91.2%. Kedudukan baki bagi tahun 2022 adalah seperti di **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 hingga 2022

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai dan Pelaburan

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai aset Kerajaan Negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit bagi tempoh tiga bulan dan ke bawah di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
WANG TUNAI					
1.	Wang Tunai Dalam Bank	127.90	233.56	(105.66)	(45.2)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.32	0.85	(0.53)	(62.4)
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.11	0.11	0.00	0.00
JUMLAH		**128.33**	**234.52**	**(106.19)**	**(45.3)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2022 dan 2021 menunjukkan penurunan sebanyak RM106.19 juta atau 45.3% menjadi RM128.33 juta berbanding RM234.52 juta pada tahun 2021. Pada tahun 2022, Wang Tunai Dalam Bank menurun sebanyak RM105.66 juta atau 45.2% menjadi RM127.90 juta berbanding RM233.56 juta pada tahun 2021. Penurunan ini adalah disebabkan pertambahan pelaburan dalam deposit melebihi tiga bulan sebanyak RM60 juta dan bagi menampung perbelanjaan Kerajaan Negeri.

5.1.3. Pelaburan Kerajaan Negeri dilaporkan sebagai salah satu item di bawah Wang Awam di Penyata Kedudukan Kewangan. Mengikut Perenggan 8(3)*(b)* Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan daripada dana kumpulan wang amanah/akaun amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula adalah semua pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

5.1.4. Pada akhir tahun 2022, Kerajaan Negeri mempunyai pelaburan dalam bentuk simpanan tetap berjumlah RM160 juta berbanding RM100 juta pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	NAMA INSTITUSI KEWANGAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bank Islam Malaysia Berhad	20.00	50.00	(30.00)	(60.0)
2.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad	0.00	50.00	(50.00)	(100.0)
3.	Affin Bank Berhad	100.00	0.00	100.00	100.0
4.	Bank Muamalat (M) Berhad	20.00	0.00	20.00	100.0
5.	Malayan Banking Berhad	20.00	0.00	20.00	100.0
JUMLAH		**160.00**	**100.00**	**60.00**	**60.0**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7*(a)*, Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2022 dengan kurangan semasa berjumlah RM155.74 juta iaitu meningkat sebanyak RM123.11 juta (377.3%) berbanding kurangan berjumlah RM32.63 juta pada tahun 2021. Kurangan yang lebih besar pada tahun 2022 ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.934 bilion melebihi kutipan hasil berjumlah RM1.779 bilion. Oleh itu, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah menurun 91.2% menjadi RM14.99 juta pada tahun 2022. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	170.73	203.36	(32.63)	(16.0)
Hasil	1,778.53	1,592.72	185.81	11.7
Perbelanjaan Mengurus	1,934.27*	1,625.35*	308.92	19.0
Lebihan/(Defisit)	(155.74)	(32.63)	(123.11)	377.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	**14.99**	**170.73**	**(155.74)**	**(91.2)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021
Nota : (*) – Termasuk pindahan kepada belanja pembangunan sebanyak RM580 juta (2022) dan RM490 juta (2021)

6.3. Trend Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	77.63	(2.61)	257.36	203.36	170.73
Hasil	1,792.52	2,560.96	1,633.47	1,592.72	1,778.53
Perbelanjaan Mengurus	1,872.76	2,300.99	1,687.47	1,625.35	1,934.27
Lebihan/(Defisit)	(80.24)	259.97	(54.00)	(32.63)	(155.74)
BAKI PADA 31 DISEMBER	**(2.61)**	**257.36**	**203.36**	**170.73**	**14.99**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 hingga 2022

6.4. Analisis perbandingan bagi tahun 2018 hingga 2022 mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend menurun kecuali pada tahun 2019 seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 hingga 2022

6.5. Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dikategorikan kepada tiga jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri pada tahun 2022 adalah lebih tinggi berbanding anggaran yang diluluskan. Kutipan hasil sebenar bagi tahun 2022 telah meningkat berbanding hasil sebenar pada tahun 2021.

6.5.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran yang Diluluskan

Pada tahun 2022, kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.779 bilion iaitu RM271.53 juta atau 18% lebih tinggi berbanding anggaran yang berjumlah RM1.507 bilion. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2022 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2022
BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BUTIRAN HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	61.02	75.27	14.25	23.4
Hasil Bukan Cukai	157.50	217.38	59.88	38.0
Terimaan Bukan Hasil	1,288.48	1,485.88	197.4	15.3
JUMLAH	**1,507.00**	**1,778.53**	**271.53**	**18.0**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022

6.5.2. Kutipan Hasil Pada Tahun 2022 Berbanding 2021

a. Pada tahun 2022, hasil sebenar Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM185.81 juta atau 11.7% menjadi RM1.779 bilion berbanding RM1.593 bilion pada tahun 2021. Kutipan hasil pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 3**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	75.27	67.82	7.45	11.0
Hasil Bukan Cukai	217.38	148.09	69.29	46.8
Terimaan Bukan Hasil	1,485.88	1,376.81	109.07	7.9
JUMLAH	**1,778.53**	**1,592.72**	**185.81**	**11.7**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

CARTA 3
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

b. Analisis Audit menunjukkan peningkatan hasil pada tahun 2022 sebanyak RM185.81 juta atau 11.7% adalah disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM109.07 juta berbanding tahun 2021. **Peningkatan Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2022 disebabkan oleh peningkatan Dana Khas/Pemberian Khas sejumlah RM106.50 juta kepada RM1.394 bilion berbanding RM1.287 bilion pada tahun 2021.**

6.5.3. Peningkatan dan Penurunan Hasil yang Ketara

Peningkatan dan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENINGKATAN DAN PENURUNAN HASIL YANG KETARA
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Dana Khas / Pemberian Khas	1,393.90	1,287.40	106.50	8.3	Pertambahan pemberian disebabkan berlaku kenaikan pada harga minyak dunia.
2.	Premium Tanah Biasa – Borang 5A	133.97	68.99	64.98	94.2	Pertambahan pemberimilikan tanah kerajaan, pembangunan tanah dan permohonan tanah daripada Kerajaan Persekutuan.
PENURUNAN						
3.	Premium Tanah - Tukar Syarat	9.68	11.25	(1.57)	(14.0)	Bayaran permohonan tukar syarat tanah menurun.
4.	Perolehan Dari Pelaburan Saham Amanah (Unit Trust)	0.00	3.13	(3.13)	(100.0)	Tiada pelaburan baharu selepas dipindah milik kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

6.5.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Dana Khas/Pemberian Khas; Premium Tanah Biasa - Borang 5A; Pemberian 50% Perbelanjaan Kos Pengurusan Jabatan Negeri, Cukai Tanah Semasa/Berulang dan Pemberian Mengikut Ramai Penduduk. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM1.628 bilion atau 91.5% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2022 berbanding RM1.456 bilion atau 91.4% pada tahun 2021. Dana Khas/Pemberian Khas yang berjumlah RM1.394 bilion pula

telah menyumbang 78.4% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2022 DAN 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	2022		2021	
		JUMLAH HASIL (RM Juta)	PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%)	JUMLAH HASIL (RM Juta)	PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%)
1.	Dana Khas/Pemberian Khas	1,393.90	78.4	1,287.40	80.8
2.	Premium Tanah Biasa – Borang 5A	133.97	7.5	68.99	4.3
3.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	48.51	2.7	48.47	3.0
4.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	31.25	1.8	30.95	1.9
5.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	20.27	1.1	19.95	1.3
JUMLAH		**1,627.90**	**91.5**	**1,455.76**	**91.4**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

6.6. Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada dua jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan bayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Maksud Perbekalan juga termasuk wang yang diperuntukkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan.

6.6.1. Analisis Bajet Mengurus

a. Analisis Bajet Tahun 2022 Berbanding 2021

Pada tahun 2022, anggaran perbelanjaan mengurus yang diluluskan meningkat sebanyak RM749.86 juta atau 43.4% menjadi RM2.479 bilion berbanding RM1.729 bilion pada tahun 2021. Peningkatan ketara anggaran belanja mengurus ialah di bawah kategori Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM712.56 juta atau 58.5%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS YANG DILULUSKAN
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	276.01	286.80	(10.79)	(3.8)
Perkhidmatan dan Bekalan	253.61	204.99	48.62	23.7
Aset	16.39	15.61	0.78	5.0
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,930.72	1,218.16	712.56	58.5
Perbelanjaan Lain	2.53	3.84	(1.31)	(34.1)
JUMLAH	**2,479.26**	**1,729.40**	**749.86**	**43.4**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

b. Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran

Perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2022 adalah berjumlah RM1.934 bilion iaitu 78% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM2.479 bilion. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERBELANJAAN SEBENAR PADA TAHUN 2022
BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	Emolumen	276.01	265.94	96.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	253.61	227.23	89.6
3.	Aset	16.39	10.24	62.5
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,930.72	1,429.16	74.0
5.	Perbelanjaan Lain	2.53	1.70	67.2
JUMLAH		**2,479.26**	**1,934.27**	**78.0**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022

c. Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2022 Berbanding 2021

Perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM308.92 juta atau 19% menjadi RM1.934 bilion berbanding RM1.625 bilion pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	265.94	267.73	(1.79)	(0.7)
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	227.23	178.87	48.36	27.0
3.	Aset	10.24	14.07	(3.83)	(27.2)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,429.16	1,161.30	267.86	23.1
5.	Perbelanjaan Lain	1.70	3.38	(1.68)	(49.7)
JUMLAH		**1,934.27**	**1,625.35**	**308.92**	**19.0**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

6.6.2. Perubahan Perbelanjaan yang Ketara Tahun 2022 Berbanding Tahun 2021

Analisis Audit mendapati **peningkatan perbelanjaan mengurus adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan di bawah kategori Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.** Peningkatan perbelanjaan bagi maksud tersebut dipengaruhi oleh peningkatan perbelanjaan di bawah Pemberian Dalam Negeri, di mana sejumlah RM1.371 bilion dibelanjakan pada tahun 2022 berbanding RM1.125 bilion pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak RM245.63 juta. Justifikasi peningkatan dan penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN
PERBELANJAAN YANG KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Pemberian Dalam Negeri	1,370.95	1,125.32	245.63	21.8	Peningkatan berlaku disebabkan pelaksanaan program-program oleh pihak Kerajaan, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah meningkat berikutan negara telah memasuki fasa endemik Covid-19.
2.	Tuntutan Insuran dan Pampasan	17.91	0.60	17.31	2,885.0	Peningkatan disebabkan pembayaran pampasan atas keputusan mahkamah bagi penamatan konsesi pembalakan oleh Kerajaan Negeri.
PENURUNAN						
3.	Kelengkapan dan Peralatan	4.31	7.00	(2.69)	(38.4)	Penurunan berlaku disebabkan kawalan kelulusan peruntukan kepada PTJ dan agensi/pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2022 (Anggaran Perbelanjaan Tahun 2022).

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
4.	Pulang Balik dan Hapus Kira	1.70	3.37	(1.67)	(49.6)	Penurunan lain-lain perbelanjaan disebabkan kekurangan tuntutan bayaran balik Deposit Premium Tanah (Borang 5A), Deposit Am, Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dan lain-lain bayaran balik.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

6.6.3. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat mendapat kelulusan Bendahari Negeri. Jabatan hendaklah mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang seba-sebab berlaku kelewatan tersebut. Sekiranya Bendahari Negeri mendapati sebab-sebab kelewatan diragui atau tiada baki peruntukan, kelulusan Pegawai Kewangan Negeri perlu diperoleh.

b. Analisis Audit mendapati pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2022 berjumlah RM5.24 juta melibatkan 1,496 baucar di 34 jabatan/pejabat, iaitu menurun sejumlah RM0.03 juta berbanding RM5.27 juta pada tahun 2021. Jabatan/pejabat yang tertinggi membuat pembayaran di bawah AP 58(a) adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2022
BERBANDING 2021 MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/ PEJABAT	2022		2021		PERUBAHAN	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu	141	2.78	170	0.78	2.0	256.4
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	539	1.61	671	2.93	(1.32)	(45.1)
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	154	0.24	256	0.63	(0.39)	(61.9)
4.	Dewan Undangan Negeri Terengganu	35	0.08	60	0.22	(0.14)	(63.6)
5.	Jabatan/Pejabat Lain*	627	0.53	635	0.71	(0.18)	(25.4)
JUMLAH		**1,496**	**5.24**	**1,792**	**5.27**	**(0.03)**	**(0.6)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021
Nota: (*) - 30 Jabatan/Pejabat bagi tahun 2022 dan 2021

c. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu merupakan jabatan yang tertinggi membuat pembayaran AP 58(a) sejumlah RM2.78 juta. Pembayaran ini melibatkan bayaran bantuan bencana alam iaitu pembayaran bagi bekalan bermasak di Pusat Kuarantin Covid-19.

d. Manakala jenis perbelanjaan yang tertinggi adalah Pemberian dan Kenaan Tetap berjumlah RM3.99 juta dan diikuti dengan perbelanjaan bagi Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM0.85 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a)
MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PADA TAHUN 2022

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	BILANGAN PTJ	BILANGAN BAUCAR	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pemberian dan Kenaan Tetap	13	347	3.99
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	64	595	0.85
3.	Emolumen	51	554	0.40
JUMLAH			**1,496**	**5.24**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022

e. Semakan Audit mendapati masih terdapat tuntutan pembayaran di bawah AP 58(a) yang telah melangkaui tahun (sebelum 2021) melibatkan empat baucar bayaran di empat Pusat Tanggungjawab (PTJ) berjumlah RM0.04 juta. Semakan lanjut mendapati sebanyak 54 baucar berjumlah RM1.73 juta adalah pembayaran di bawah AP 58(a) bagi tuntutan bulan Mac hingga Oktober 2021 di tujuh PTJ. Pembayaran tersebut sepatutnya boleh diselesaikan pada tahun semasa sekiranya tindakan dibuat lebih awal. Maklumat bil-bil tuntutan yang dibayar pada tahun 2022 bagi pembayaran di bawah AP 58(a) mengikut bulan/tahun bil diterima adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) TAHUN 2022
MENGIKUT PECAHAN BULAN/TAHUN BIL DITERIMA

BIL.	BIL. TAHUN 2021 (Bulan)	BAUCAR BAYARAN TAHUN 2022 (Bil.)	JUMLAH (RM)
1.	2018-2020	4	38,685.90
2.	Mac	1	1,405.00
3.	April	2	1,540.00
4.	Mei	1	3,320.00
5.	Jun	2	6,965.00
6.	Julai	1	3,400.00
7.	Ogos	1	3,200.00
8.	September	11	460,016.51

BIL.	BIL. TAHUN 2021 (Bulan)	BAUCAR BAYARAN TAHUN 2022 (Bil.)	JUMLAH (RM)
9.	Oktober	35	1,249,597.20
10.	November	73	1,153,525.40
11.	Disember	1,365	2,323,271.06
JUMLAH		**1,496**	**5,244,926.07**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022

f. Semakan Audit mendapati sehingga bulan April 2023, sebanyak 433 baucar bayaran AP 58(a) merupakan bil/tuntutan tahun 2022 berjumlah RM2.64 juta yang telah dibayar pada tahun 2023 seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a)
BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA APRIL 2023

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	BILANGAN PTJ	BILANGAN BAUCAR	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pemberian dan Kenaan Tetap	3	112	2.25
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	60	132	0.35
3.	Emolumen	37	189	0.04
JUMLAH			**433**	**2.64**

Sumber: Baucar Bayaran Januari hingga April Tahun 2023

6.6.4. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.2 memberi garis panduan dan menjelaskan tatacara pengurusan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP 59) bagi sesuatu perolehan yang telah dilakukan tanpa mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pada tahun 2022, satu perbelanjaan berjumlah RM0.54 juta telah diperakukan di bawah AP 59 bagi bayaran insentif jurumandi dan pembantu jurumandi bagi tahun 2020 melibatkan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (JHEAT).

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perenggan 7*(b)* Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air atau Kumpulan Wang lain yang berkaitan.

7.2. **Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.** Pinjaman terakhir yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah pada tahun 2013 berjumlah RM22.93 juta bagi membiayai projek bekalan air.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Perenggan 7*(c)* Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. **Pada akhir tahun 2022, baki Akaun Amanah Disatukan adalah berjumlah RM273.34 juta, meningkat sebanyak RM109.55 juta atau 66.9% berbanding RM163.79 juta pada tahun 2021.** Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	**8.95**	**(126.59)**	**135.54**	**107.1**
• *Kumpulan Wang Pembangunan*	(1,073.21)	(672.77)	(400.44)	(59.5)
• *Kumpulan Wang Bekalan Air*	49.79	65.17	(15.38)	(23.6)
• *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan*	1,032.37	481.01	551.36	114.6
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	**118.51**	**104.98**	**13.53**	**12.9**
iii. Akaun Wang Deposit	**145.88**	**185.40**	**(39.52)**	**(21.3)**
BAKI PADA 31 DISEMBER	**273.34**	**163.79**	**109.55**	**66.9**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

8.2. Peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM135.54 juta dan Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak RM13.53 juta berbanding pada tahun 2021. Baki Akaun Wang Deposit pula menurun sebanyak RM39.52 juta (21.3%) menjadi RM145.88 juta pada tahun 2022 berbanding RM185.40 juta pada tahun 2021.

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.3.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta Tatacara Kewangan 1957.

8.3.2. **Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2022 mencatatkan lebihan sejumlah RM8.95 juta berbanding defisit RM126.59 juta pada tahun 2021** iaitu peningkatan sebanyak RM135.54 juta atau 107.1%. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM551.36 juta pada tahun 2022.

8.4. Kumpulan Wang Pembangunan

8.4.1. Prestasi Kewangan

a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*] dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperoleh melalui caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada agensi Kerajaan Negeri. Terdapat juga sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II dan Pelaksanaan Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation. Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(672.77)	(516.38)	(156.39)	30.3
Penerimaan	631.02	532.31	98.71	18.5
Pembayaran	1,031.46	688.70	342.76	49.8
Lebihan/(Defisit) Semasa	(400.44)	(156.39)	(244.05)	156.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	**(1,073.21)**	**(672.77)**	**(400.44)**	**59.5**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

b. **Pada tahun 2022, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit semasa berjumlah RM400.44 juta berbanding defisit semasa RM156.39 juta pada tahun 2021.** Defisit ini adalah disebabkan oleh pembayaran berjumlah RM1.031 bilion melebihi penerimaan berjumlah RM631.02 juta. Hal ini menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2022 berjumlah RM1.073 bilion berbanding RM672.77 juta pada tahun 2021.

c. Bagi tahun 2018 hingga 2022, kumpulan wang ini berbaki defisit seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERKARA	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	(797.00)	(677.25)	(431.57)	(516.38)	(672.77)
Penerimaan	631.74	735.60	521.00	532.31	631.02
Pembayaran	512.00	489.92	605.80	688.70	1,031.46
Lebihan/(Defisit)	119.75	245.68	(84.81)	(156.39)	(400.44)
BAKI PADA 31 DISEMBER	**(677.25)**	**(431.57)**	**(516.38)**	**(672.77)**	**(1,073.21)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 hingga 2022

8.4.2. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2022

a. Pada tahun 2022, peruntukan yang diluluskan bagi 16 jabatan/pejabat adalah berjumlah RM1.088 bilion untuk melaksanakan 2,216 projek. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM1.031 bilion telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek pembangunan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak 94.8% seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PROJEK (Bil.)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	2,096	1,070.12	1,018.58	95.2
2.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri	26	14.06	8.97	63.8
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	13	2.00	1.88	94.0
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	26	0.50	0.50	100.0
5.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	7	0.22	0.06	27.3
6.	Pejabat Daerah Dungun	1	0.17	0.16	94.1
7.	Pejabat Daerah Kemaman	2	0.17	0.17	100.0
8.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	8	0.17	0.17	100.0
9.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	5	0.17	0.17	100.0
10.	Pejabat Daerah Marang	5	0.17	0.17	100.0
11.	Pejabat Daerah Besut	5	0.17	0.16	94.1
12.	Pejabat Daerah Setiu	9	0.17	0.17	100.0
13.	Jabatan Pertanian Negeri	4	0.10	0.10	100.0
14.	Jabatan Perhutanan Negeri	1	0.10	0.10	100.0
15.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	5	0.10	0.10	100.0
16.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	3	0.00*	0.00	0.00
JUMLAH		**2,216**	**1,088.39**	**1,031.46**	**94.8**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022
Nota: (*) - Nilai nominal - RM10

b. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM1.031 bilion bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM688.70 juta pada tahun 2021. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JABATAN PELAKSANA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,018.58	674.47	344.11	51.0
2.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri	8.97	10.00	(1.03)	(10.3)
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	1.88	1.88	0.00	0.0
4.	Pejabat Daerah Dungun	0.50	0.20	0.30	150.0
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	0.06	0.50	(0.44)	(88.0)
6.	Pejabat Daerah Kemaman	0.16	0.20	(0.04)	(20.0)
7.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	0.17	0.23	(0.06)	(26.1)
8.	Jabatan Pertanian Negeri	0.17	0.10	0.07	70.0

BIL.	JABATAN PELAKSANA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
9.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri	0.17	0.10	0.07	70.0
10.	Pejabat Daerah Marang	0.17	0.19	(0.02)	(10.5)
11.	Pejabat Daerah Besut	0.16	0.19	(0.03)	(15.8)
12.	Pejabat Daerah Setiu	0.17	0.15	0.02	13.3
13.	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu	0.10	0.10	0.00	0.0
14.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	0.10	0.19	(0.09)	(47.4)
15.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.10	0.00	0.10	100.0
16.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	0.00	0.20	(0.20)	(100.0)
JUMLAH		**1,031.46**	**688.70**	**342.76**	**49.8**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

c. **Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM1.019 bilion pada tahun 2022 atau 98.8% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2022.** Perbelanjaan sejumlah RM1.019 bilion ini antaranya adalah bagi membiayai *deferred payment* dan *scheduled payment* bagi projek membaik pulih dan menaik taraf Loji Rawatan Air di Bukit Sah, Kemaman sejumlah RM541.33 juta; Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara sejumlah RM109.38 juta dan Pembangunan Daerah Kuala Nerus sejumlah RM91.90 juta. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri pula mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM8.97 juta bagi perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah.

8.4.3. Prestasi Pelaksanaan Projek

a. Sehingga tahun 2022, sebanyak 2,216 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh 16 jabatan/pejabat. Secara keseluruhannya, pencapaian pelaksanaan projek pada tahun 2022 adalah baik di mana sebanyak 2,125 atau 95.9% projek telah siap dilaksanakan seperti dalam **Jadual 24** dan **Carta 4**.

JADUAL 24
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PROJEK DILULUSKAN (Bil.)	STATUS PELAKSANAAN PROJEK		
			SIAP (Bil.)	SEDANG DILAKSANAKAN (Bil.)	BELUM MULA (Bil.)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	2,096	2,016	42	38
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	26	26	0	0

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PROJEK DILULUSKAN (Bil.)	STATUS PELAKSANAAN PROJEK		
			SIAP (Bil.)	SEDANG DILAKSANAKAN (Bil.)	BELUM MULA (Bil.)
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	13	7	0	6
4.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	26	25	1	0
5.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	7	6	1	0
6.	Pejabat Daerah Dungun	1	1	0	0
7.	Jabatan Pertanian Negeri	4	4	0	0
8.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	8	8	0	0
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	5	5	0	0
10.	Pejabat Daerah Setiu	9	9	0	0
11.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	5	5	0	0
12.	Pejabat Daerah Kemaman	2	2	0	0
13.	Pejabat Daerah Besut	5	5	0	0
14.	Pejabat Daerah Marang	5	5	0	0
15.	Jabatan Perhutanan Negeri	1	1	0	0
16.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	3	0	0	3
JUMLAH		**2,216**	**2,125**	**44**	**47**

Sumber: Laporan Status Projek Jabatan Pelaksana

CARTA 4
PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2022



Sumber: Laporan Status Projek Jabatan Pelaksana

b. Sebanyak 44 projek atau 2% sedang dilaksanakan manakala 47 projek atau 2.1% belum dimulakan. Antara projek yang belum dimulakan seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
SENARAI PROJEK YANG BELUM DIMULAKAN

BIL.	JABATAN PELAKSANA	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Cadangan Pembinaan Dewan Serbaguna di Hulu Terengganu (15931)	5.00	Kerajaan memberi tumpuan kepada projek-projek pembangunan yang sedang berjalan.
2.		Pembangunan Projek-Projek Khas Setiap Parlimen (16942) - Membina Sebuah Bandar Era 60-an dan Taman Tema Air Sebagai Pusat Pelancongan Kawasan Bersejarah Bukit Besi Secara Runding Terus, Reka dan Bina	20.00	Projek ditangguhkan.
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	Naik taraf Jalan Bandar Permaisuri ke Kg. Hulu Seladang (Pakej B) Di KM 4 – KM 5 Jalan T138, Setiu (04760)	4.00	
4.		Naik taraf Jalan Kg. Bukit/Kg. Bukit Munduk ke Kg. Alur Lit, Setiu, Terengganu (04763)	15.00	
5.		Cadangan Menaik taraf Jalan Dari Kg. Air Terjun (Sempadan Kelantan) ke Kg. Tok Has, Besut (04791)	5.77	
6.		Cadangan Keperluan Menaik taraf Jalan di Kg. Jerubun, Hulu Besut, Terengganu. Jarak Sejauh 0.5 KM (04792)	7.65	
7.		Cadangan Menaik taraf Jalan Banggul Pauh ke Kg. Batin Kuala Terengganu (04794)	11.30	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 Dan Laporan Status Projek Jabatan Pelaksana

8.5. Kumpulan Wang Bekalan Air

8.5.1. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperoleh melalui caruman daripada Kerajaan Negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	65.17	68.41	(3.24)	(4.7)
Penerimaan	0.00	0.00	0.00	0.0
Pembayaran	15.38	3.24	12.14	374.7
Lebihan/(Defisit) Semasa	(15.38)	(3.24)	12.14	374.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	**49.79**	**65.17**	**(15.38)**	**(23.6)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

8.5.2. Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2022 berjumlah RM49.79 juta berbanding RM65.17 juta pada tahun 2021, menurun sebanyak RM15.38 juta (23.6%). Penurunan ini adalah disebabkan sebanyak RM15.38 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan projek pembangunan bekalan air pada tahun 2022.

8.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.6.1. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	500.00	0.10	499.90	>1000
2.	Akaun Perniagaan	0.17	0.17	0.00	0.0
3.	Akaun Pinjaman	32.27	32.26	0.01	0.0
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	5.00	5.00	0.00	0.0
5.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	494.93	443.48	51.45	11.6
BAKI PADA 31 DISEMBER		**1,032.37**	**481.01**	**551.36**	**114.6**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

8.6.2. Analisis Audit menunjukkan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM1.032 bilion iaitu meningkat sebanyak RM551.36 juta atau 114.6% berbanding RM481.01 juta pada tahun 2021. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh peningkatan Akaun Penyelesaian sebanyak RM499.90 juta atau melebihi 1000% iaitu penerimaan pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan. Selain itu, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah mencatat peningkatan sebanyak RM51.45 juta atau 11.6%.

8.6.3. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

a. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian ini berdasarkan peruntukan Perenggan 109(1)*(b)* Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, pejabat daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.

b. Pada akhir tahun 2022, baki kumpulan wang ini menurun sebanyak RM9.35 juta menjadi RM293.67 juta berbanding RM303.02 juta pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan peningkatan perbelanjaan pada tahun 2022 sebanyak RM45.40 juta kepada RM244.55 juta berbanding RM199.15 juta pada tahun 2021. Hal ini disebabkan oleh pertambahan pendaftaran jalan negeri dalam Malaysian Road Record Information System (MARRIS). Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RMJuta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	303.02	266.85	36.17	13.6
Terimaan	235.20	235.32	(0.12)	(0.1)
Perbelanjaan	244.55	199.15	45.40	22.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	**293.67**	**303.02**	**(9.35)**	**(3.1)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

c. Pada akhir tahun 2022, sejumlah RM244.55 juta atau 104% telah dibelanjakan daripada jumlah terimaan RM235.20 juta bagi membiayai kerja penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Berdasarkan rekod MARRIS, panjang jalan negeri sehingga 31 Disember 2022 adalah 20,832.95 km, iaitu meningkat sebanyak 159.82 km berbanding 20,673.13 km pada 31 Disember 2021.

d. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERKARA	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	252.49	262.13	249.42	266.85	303.02
Penerimaan	171.60	200.10	207.43	235.32	235.20
Pembayaran	161.96	212.81	190.00	199.15	244.55
Lebihan/(Defisit)	9.64	(12.71)	17.43	36.17	(9.35)
BAKI PADA 31 DISEMBER	**262.13**	**249.42**	**266.85**	**303.02**	**293.67**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 hingga 2022

8.6.4. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan

a. Kumpulan wang ini diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]. Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak.

b. Pada akhir tahun 2022, baki kumpulan wang ini meningkat sebanyak RM3.65 juta menjadi RM27.78 juta berbanding RM24.13 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan penerimaan pada tahun 2022 sebanyak RM7.99 juta melebihi perbelanjaan yang berjumlah RM4.34 juta. Peningkatan terimaan adalah disebabkan peningkatan hasil ses sejumlah RM2.35 juta berbanding tahun 2021. Perbelanjaan di bawah kumpulan wang ini pada tahun 2022 antaranya adalah perbelanjaan infrastruktur dan peralatan sejumlah RM1.72 juta dan eko pelancongan sejumlah RM0.99 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH
PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERKARA	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	7.37	15.91	24.26	25.81	24.13
Penerimaan	12.83	14.64	5.81	5.64	7.99
Pembayaran	4.29	6.29	4.26	7.32	4.34
Lebihan/(Defisit)	8.54	8.35	1.55	(1.68)	3.65
BAKI PADA 31 DISEMBER	**15.91**	**24.26**	**25.81**	**24.13**	**27.78**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 hingga 2022

8.6.5. Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Malapetaka

a. Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Malapetaka diwujudkan untuk mengakaunkan wang yang diterima bagi tujuan mengimbuh kehilangan serta kerosakan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana alam. Berdasarkan Arahan Amanah, penerimaan kumpulan wang amanah ini adalah daripada sumbangan orang awam, firma, institusi dan kerajaan.

b. Pada akhir tahun 2022, kumpulan wang ini berbaki RM28.60 juta iaitu meningkat sebanyak RM18.16 juta atau 173.9% berbanding RM10.44 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini adalah disebabkan penerimaan peruntukan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi bantuan wang ihsan mangsa-mangsa bencana ribut dan banjir, kerja-kerja pembaikan Pusat Pemindahan Sementara, pengurusan pengoperasian bencana menghadapi Monsun Timur Laut dan peruntukan pengurusan Covid-19 yang berjumlah RM35.29 juta. Antara perbelanjaan yang dibuat adalah penyaluran wang ihsan kepada mangsa banjir dan perbelanjaan operasi dan pembekalan bot, enjin serta jaket keselamatan Monsun Timur Laut yang masing-masing berjumlah RM17.33 juta dan RM0.40 juta pada tahun 2022.

c. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Malapetaka pada tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH TABUNG BANTUAN BENCANA MALAPETAKA PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERKARA	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	0.001	0.02	0.32	7.36	10.44
Penerimaan	0.10	0.82	18.84	43.70	37.77
Pembayaran	0.08	0.52	11.80	40.62	19.61
Lebihan/(Defisit)	0.02	0.30	7.04	3.08	18.16
BAKI PADA 31 DISEMBER	**0.02**	**0.32**	**7.36**	**10.44**	**28.60**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 Hingga 2022

8.6.6. Kumpulan Wang Amanah Dana Khas Kerajaan Negeri Terengganu

a. Kumpulan wang ini diwujudkan untuk memperakaun wang yang diterima bagi melaksanakan program, projek dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat negeri Terengganu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang. Penerimaan kumpulan wang amanah ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan dan sumbangan orang awam, Pihak Berkuasa Berkanun atau mana-mana entiti yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

b. Pada akhir tahun 2022, kumpulan wang ini berbaki RM33.95 juta iaitu meningkat sebanyak RM1.24 juta atau 3.8% berbanding RM32.71 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan terimaan sebanyak RM4.55 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia berbanding tiada terimaan pada tahun 2021. Perbelanjaan berjumlah RM3.31 juta pada tahun 2022 adalah bagi membiayai projek-projek

kecil. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Dana Khas pada tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH DANA KHAS
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERKARA	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	103.55	52.59	34.00	35.36	32.71
Penerimaan	0.00	0.00	10.00	0.00	4.55
Pembayaran	50.96	18.59	8.64	2.65	3.31
Lebihan/(Defisit)	(50.96)	(18.59)	1.36	(2.65)	1.24
BAKI PADA 31 DISEMBER	**52.59**	**34.00**	**35.36**	**32.71**	**33.95**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 Hingga 2022

8.6.7. Kumpulan Wang Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu

a. Kumpulan wang ini diwujudkan untuk menyelaras satu bentuk penerimaan ke dalam Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu yang bertindak sebagai satu dana bagi pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) di negeri Terengganu. Wang yang diterima digunakan bagi melaksanakan program, projek dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat negeri Terengganu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah.

b. Pada akhir tahun 2022, kumpulan wang ini berbaki RM44.38 juta, meningkat sebanyak RM25.38 juta atau 133.6% berbanding RM19 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan terimaan bayaran balik ansuran peminjam RMM sejumlah RM20.54 juta berbanding RM11.27 juta pada tahun 2021 dan pelarasan dari Akaun Amanah Deposit Tidak Diperuntukkan sejumlah RM10.71 juta. Perbelanjaan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM5.87 juta berbanding tiada perbelanjaan pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH TABUNG PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGERI TERENGGANU PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	19.00	7.73	11.27	145.8
Terimaan	31.25	11.27	19.98	177.3
Perbelanjaan	5.87	0.00	5.87	100.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	**44.38**	**19.00**	**25.38**	**133.6**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

8.7. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.7.1. Kumpulan Wang Amanah Awam adalah kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan wang yang diperuntukkan daripada Kerajaan serta sumbangan daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Kumpulan wang ini hendaklah diurus mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

8.7.2. Sehingga 31 Disember 2022, Kerajaan Negeri mempunyai sebanyak 12 akaun amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam. Baki kumpulan wang ini pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM118.51 juta berbanding RM104.98 juta pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM13.53 juta atau 12.9%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	104.98	91.80	13.18	14.4
Penerimaan	47.00	35.75	11.25	31.5
Pembayaran	33.47	22.57	10.90	48.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	**118.51**	**104.98**	**13.53**	**12.9**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

8.7.3. Analisis Audit mendapati baki **akaun amanah menunjukkan peningkatan disebabkan dua akaun amanah baharu yang ditubuhkan iaitu Akaun Amanah Pembangunan Infrastruktur dan Akaun Amanah Program-Program Kecemerlangan Pelajar, Projek-Projek**

Pembangunan dan Infrastruktur Sekolah yang masing-masing berbaki RM13.50 juta dan RM4.01 juta. Akaun Amanah ini ditubuhkan adalah bagi tujuan pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan membiayai program-program kecemerlangan pelajar serta projek pembangunan infrastruktur sekolah agama negeri Terengganu.

8.8. Akaun Deposit

8.8.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan.

8.8.2. Kerajaan Negeri mempunyai tiga jenis deposit iaitu Deposit Am sejumlah RM135.39 juta, Deposit Khusus sejumlah RM4.58 juta dan Deposit Pelarasan sejumlah RM5.91 juta. Wang deposit tersebut diselenggara oleh 27 jabatan/pejabat melalui 64 akaun deposit yang berjumlah RM145.88 juta. Baki akaun deposit pada tahun 2022 menurun sebanyak RM39.52 juta atau 21.3% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM185.40 juta.

8.8.3. Sebanyak 11 jabatan/pejabat mempunyai deposit melebihi RM1 juta. Sebanyak 16 jabatan/pejabat lain mempunyai deposit di antara RM2,300 hingga RM0.94 juta yang mana jumlah keseluruhan deposit berjumlah RM5.02 juta. Kedudukan deposit pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN DEPOSIT PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah dan Galian	1	51.14	51.14	0.00	0.0
2.	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu	2	31.30	30.78	0.52	1.7
3.	Jabatan Kerja Raya	2	19.84	27.58	(7.74)	(28.1)
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	5	17.66	32.88	(15.22)	(46.3)
5.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	3	6.32	8.87	(2.55)	(28.7)
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	2	3.96	6.77	(2.81)	(41.5)
7.	Pejabat Tanah Dungun	3	3.25	2.67	0.58	21.7
8.	Pejabat Tanah Kemaman	3	2.35	4.51	(2.16)	(47.9)

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
9.	Pejabat Tanah Marang	4	2.12	1.77	0.35	19.8
10.	Pejabat Tanah Besut	3	1.74	0.59	1.15	194.9
11.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	3	1.18	1.10	0.08	7.3
12.	Jabatan/Pejabat Lain*	33	5.02	16.74	(11.72)	70.0
JUMLAH		**64**	**145.88**	**185.40**	**(39.52)**	**(21.3)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021
Nota: (*) - Jabatan/Pejabat Lain - Tahun 2021 : 32 Akaun melibatkan 13 Jabatan/Pejabat
- Tahun 2022 : 33 Akaun melibatkan 16 Jabatan/Pejabat

8.8.4. Analisis Audit mendapati **baki Akaun Deposit bagi 11 jabatan/ pejabat telah mencatatkan peningkatan manakala 14 jabatan/ pejabat telah menunjukkan penurunan berbanding tahun 2021** dan dua pejabat tiada perubahan. Pejabat Tanah Besut mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.15 juta adalah disebabkan oleh kenaikan bayaran deposit pengambilan tanah. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri pula mencatatkan penurunan sebanyak RM15.22 juta menjadi RM17.66 juta berbanding RM32.88 juta pada tahun 2021. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran balik deposit kepada pendeposit.

8.8.5. Pejabat Tanah dan Galian mempunyai wang deposit paling tinggi berjumlah RM51.14 juta diikuti Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu sejumlah RM31.30 juta dan Jabatan Kerja Raya sejumlah RM19.84 juta. Deposit bagi Pejabat Tanah dan Galian merupakan bayaran premium tanah daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sejumlah RM51.14 juta.

8.8.6. Pada tahun 2022, sebanyak tujuh jabatan/pejabat telah mengambil tindakan pewartaan wang deposit bagi tujuh akaun deposit berjumlah RM3.16 juta dari tahun 1983 hingga 2019 melibatkan 1,279 pendeposit. Deposit tersebut telah dikreditkan ke hasil negeri memandangkan tiada tuntutan atau bayaran balik kepada pendeposit selepas tempoh tiga bulan ia diwartakan.

8.8.7. Analisis Audit mendapati sebanyak 41 akaun deposit sejak tahun 1984 hingga 2020 berjumlah RM84.33 juta merupakan deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT BAGI TAHUN 1984 HINGGA 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	PENDEPOSIT (Bil.)	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT (RM Juta)
1.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu	1	2	2011	51.14
2.	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu	1	897	1998-2020	24.88
3.	Pejabat Tanah Dungun	3	413	1998-2020	1.73
4.	Pejabat Tanah Marang	4	101	2001-2020	1.67
5.	Pejabat Tanah Kemaman	3	116	2016-2020	1.31
6.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	3	67	2006-2020	0.86
7.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2	38	2010-2020	0.78
8.	Jabatan Bekalan Air Negeri Terengganu	1	24	2008-2020	0.50
9.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Terengganu	3	310	1984-2020	0.36
10.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu	1	61	1997-2020	0.31
11.	Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu	2	152	2016-2020	0.24
12.	Pejabat Tanah Setiu	2	70	2009-2020	0.18
13.	Pejabat Tanah Besut	3	42	2016-2020	0.15
14.	Pejabat Tanah Kuala Nerus	3	30	2018-2020	0.09
15.	Pejabat Daerah Kemaman	1	5	2011-2020	0.05
16.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu	1	8	2016-2020	0.04
17.	Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu	1	23	2019-2020	0.01
18.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	1	6	2011-2016	0.01
19.	Jabatan/Pejabat Lain*	5	33	2009-2020	0.02
JUMLAH		**41**	**2,398**		**84.33**

Sumber: Senarai Deposit Pelbagai Jabatan
Nota: (*) - 5 jabatan/pejabat terlibat (Pejabat Daerah Marang, Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan Pejabat Daerah Dungun)

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan Negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan. Memorandum Liabiliti pula menunjukkan liabiliti Kerajaan Negeri iaitu Hutang Awam.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau

pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang pinjaman baharu kepada agensi negeri.

9.1.2. Pada tahun 2022, baki Pinjaman Boleh Dituntut (pokok dan tunggakan faedah) adalah berjumlah RM151.89 juta iaitu menurun sebanyak RM5.49 juta atau 3.5% berbanding RM157.38 juta pada tahun 2021. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	39.89	43.88	(3.99)	(9.1)
2.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	112.00	113.50	(1.50)	(1.3)
JUMLAH		**151.89**	**157.38**	**(5.49)**	**(3.5)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

9.1.3. Pada tahun 2022, bayaran balik pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM9.67 juta yang terdiri daripada anuiti tahun semasa. Bagaimanapun, bayaran balik pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022 adalah sejumlah RM4.49 juta atau 46.4% iaitu RM2.99 juta adalah bayaran anuiti oleh PMINT manakala RM1.50 juta adalah bayaran anuiti oleh TISB.

9.1.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

a. Pada akhir tahun 2022, Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut adalah berjumlah RM6.17 juta iaitu meningkat sebanyak RM4.18 juta atau 210.1% berbanding RM1.99 juta pada tahun 2021. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH TUNTUT PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	0.99	1.99	(1.00)	(50.3)
2.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	5.18	0.00	5.18	100.0
JUMLAH		**6.17**	**1.99**	**4.18**	**210.1**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

b. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan sejumlah RM5.18 juta atau 100% dalam tunggakan bayaran balik oleh TISB berbanding tiada tunggakan pada tahun 2021.

9.2. Hutang Awam

9.2.1. Kerajaan Negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pinjaman yang belum dijelaskan merupakan hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan dinyatakan sebagai Hutang Awam dalam Penyata Kewangan. Kedudukan Hutang Awam (pokok dan tunggakan faedah) pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	222.03	226.71	(4.68)	(2.1)
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	30.60	39.65	(9.05)	(22.8)
JUMLAH		**252.63**	**266.36**	**(13.73)**	**(5.2)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

9.2.2. Pada akhir tahun 2022, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM13.73 juta atau 5.2% menjadi RM252.63 juta berbanding RM266.36 juta pada tahun 2021. Penurunan ini adalah disebabkan bayaran balik hutang oleh Kerajaan Negeri sejumlah RM15.04 juta (pokok dan tunggakan faedah) serta pertambahan anuiti tahun semasa sebanyak RM1.31 juta. Selain itu, tiada pinjaman baharu yang diterima pada tahun 2022.

9.2.3. Baki tunggakan Hutang Awam telah meningkat sebanyak RM15.54 juta atau 29.6% kepada RM68 juta pada tahun 2022 berbanding RM52.46 juta pada tahun 2021. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2022 dan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM PADA TAHUN 2022 DAN 2021

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	66.30	50.76	15.54	30.6
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	1.70	1.70	0.00	0.00
JUMLAH		**68.00**	**52.46**	**15.54**	**29.6**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

9.2.4. Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik (pokok dan faedah) berjumlah RM15.04 juta bagi dua maksud pinjaman seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
BAYARAN BALIK HUTANG KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	BAYARAN BALIK TAHUN 2022		JUMLAH BAYARAN BALIK (RM Juta)
		POKOK (RM Juta)	FAEDAH (RM Juta)	
1.	Bekalan Air	4.68	0.00	4.68
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	9.01	1.35	10.36
JUMLAH		**13.69**	**1.35**	**15.04**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada penyata kewangan. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Pada akhir tahun 2022, jumlah Akaun Belum Terima (ABT) Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM4.82 juta atau 10.9% menjadi RM49.07 juta berbanding RM44.25 juta pada tahun 2021. Faktor peningkatan ABT pada tahun 2022 adalah disebabkan oleh peningkatan tunggakan bayaran pinjaman pokok oleh TISB berjumlah RM5.18 juta. Kedudukan ABT pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bayaran Balik Pinjaman	6.17	1.99	4.18	210.1
2.	Cukai Tanah	21.66	21.13	0.53	2.5
3.	Lain-lain Hasil	21.24	21.13	0.11	0.5
JUMLAH		**49.07**	**44.25**	**4.82**	**10.9**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

10.1.2. Kedudukan ABT pada tahun 2022 mengikut tempoh tunggakan adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
KEDUDUKAN ABT MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN PADA 31 DISEMBER 2022

BIL.	BUTIRAN TUNGGAKAN	1 TAHUN (RM Juta)	1-3 TAHUN (RM Juta)	4-6 TAHUN (RM Juta)	> 6 TAHUN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran Balik Pinjaman	6.17	0.00	0.00	0.00	6.17
2.	Hasil	20.55	0.89	0.82	8.84	31.10
3.	Hutang-hutang Lain	0.00	0.00	0.00	11.80	11.80
JUMLAH		**26.72**	**0.89**	**0.82**	**20.64**	**49.07**

Sumber: Penyata Akaun Belum Terima

10.1.3. Mengikut Kanun Tanah Negara 1965 Subseksyen 94(2), Cukai Tanah tahun semasa hendaklah dibayar dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Mei. Cukai Tanah yang tidak dibayar dalam tempoh tersebut akan menjadi tunggakan. Kedudukan tunggakan Cukai Tanah mengikut pejabat tanah pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
MENGIKUT PEJABAT TANAH PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PEJABAT	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Kemaman	3.70	3.17	0.53	16.7
2.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	3.08	3.29	(0.21)	(6.4)
3.	Pejabat Tanah Dungun	3.08	2.93	0.15	5.1
4.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2.62	2.60	0.02	0.8
5.	Pejabat Tanah Besut	2.61	2.61	0.00	0.0
6.	Pejabat Tanah Kuala Nerus	2.56	2.65	(0.09)	(3.4)
7.	Pejabat Tanah Marang	2.21	2.18	0.03	1.4
8.	Pejabat Tanah Setiu	1.80	1.70	0.10	5.9
JUMLAH		**21.66**	**21.13**	**0.53**	**2.5**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022 dan 2021

10.1.4. Analisis Audit mendapati lima pejabat tanah mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah manakala dua pejabat tanah mencatatkan penurunan tunggakan Cukai Tanah dan satu pejabat tanah tiada perubahan. Pejabat Tanah Kemaman mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah tertinggi pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM0.53 juta atau 16.7% menjadi RM3.70 juta berbanding RM3.17 juta pada tahun 2021. Pejabat Tanah Hulu Terengganu pula mencatatkan penurunan tunggakan Cukai Tanah tertinggi pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM0.21 juta menjadi RM3.08 juta berbanding RM3.29 juta pada tahun 2021.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada akhir tahun 2022 adalah seperti berikut:

11.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2022 berjumlah RM288.33 juta, menurun sebanyak RM46.19 juta atau 13.8% berbanding RM334.52 juta pada tahun 2021;

11.2. hasil yang diperoleh pada tahun 2022 berjumlah RM1.779 bilion iaitu meningkat sebanyak RM185.81 juta atau 11.7% berbanding RM1.593 bilion pada tahun 2021;

11.3. perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM308.92 juta atau 19% menjadi RM1.934 bilion berbanding RM1.625 bilion pada tahun 2021;

11.4. pelaburan simpanan tetap berjumlah RM160 juta pada tahun 2022 berbanding RM100 juta pada tahun 2021;

11.5. pembayaran di bawah AP 58(a) telah menurun sebanyak RM0.03 juta atau 0.6% menjadi RM5.24 juta pada tahun 2022 berbanding RM5.27 juta pada tahun 2021;

11.6. Akaun Amanah Disatukan meningkat sebanyak RM109.55 juta atau 66.9% menjadi RM273.34 juta pada tahun 2022 berbanding RM163.79 juta pada tahun 2021;

11.7. Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit semasa pada tahun 2022 berjumlah RM400.44 juta berbanding defisit semasa berjumlah RM156.39 juta pada tahun 2021;

11.8. Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan sebanyak 2,125 atau 95.9% daripada 2,216 projek yang dirancang bagi tahun 2022. Sejumlah RM1.031 bilion atau 94.8% telah dibelanjakan berbanding RM1.088 bilion peruntukan yang diluluskan;

11.9. Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2022 berjumlah RM151.89 juta iaitu menurun sebanyak RM5.49 juta atau 3.5% berbanding RM157.38 juta pada tahun 2021. Bagaimanapun tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM4.18 juta atau 210.1% menjadi RM6.17 juta pada tahun 2022 berbanding RM1.99 juta pada tahun 2021;

11.10. Hutang Awam menurun sebanyak RM13.73 juta atau 5.2% menjadi RM252.63 juta pada tahun 2022 berbanding RM266.36 juta pada tahun 2021. Bagaimanapun, tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sebanyak RM15.54 juta atau 29.6% menjadi RM68 juta pada tahun 2022 berbanding RM52.46 juta pada tahun 2021; dan

11.11. Akaun Belum Terima meningkat sebanyak RM4.82 juta atau 10.9% menjadi RM49.07 juta pada tahun 2022 berbanding RM44.25 juta pada tahun 2021.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan Negeri perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa. Kerajaan Negeri perlu mengamalkan pengurusan kewangan lebih berhemat dan disiplin fiskal yang tinggi demi memastikan keadaan kewangan terus kukuh dan terkawal tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri adalah disyorkan:

12.1. mengenal pasti sumber hasil baharu dan melaksanakan perbelanjaan secara terarah serta berhemat bagi meningkatkan prestasi kewangan negeri;

12.2. memastikan kelulusan khas pembayaran AP 58(a) dikurangkan bagi mengelakkan penggunaan peruntukan tahun semasa dan mengawal perbelanjaan; dan

12.3. mengamalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Terengganu.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri Terengganu

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TERENGGANU

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)*(c)* Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2023, 14 daripada 17 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 untuk diaudit. Sebanyak sembilan agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala baki lima agensi mengemukakan penyata kewangan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh daripada Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun, satu daripada lima agensi tersebut mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh enam hari selepas tarikh akhir kelulusan pelanjutan tempoh.

- Tiga agensi negeri iaitu Yayasan Islam Terengganu (YIT), Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 untuk

diaudit. Kesemua agensi terlibat telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan dan mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. LTAWNT diluluskan pelanjutan tempoh sehingga 30 September 2023 manakala PMINT pula sehingga 31 Oktober 2023. Bagaimanapun, YIT masih belum mengemukakan penyata kewangan walaupun diluluskan pelanjutan tempoh sehingga 30 Ogos 2023.

- Setakat 31 Ogos 2023, kesemua 14 penyata kewangan bagi tahun 2022 yang telah diterima masih dalam proses pengauditan dan tindakan pensijilan oleh Jabatan Audit Negara.

- Daripada kesemua 17 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2021 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara, 13 telah dibentangkan di DUN manakala dua penyata kewangan lagi masih belum dibentangkan. Bagi Majlis Sukan Negeri Terengganu dan Lembaga Sumber Air Terengganu, undang-undang penubuhannya tidak menetapkan penyata kewangan perlu dibentangkan di DUN.

Apa yang disyorkan Audit?

- Agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit (*auditable*) mengikut tempoh ditetapkan.

- Agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

- Agensi negeri perlu mengambil tindakan proaktif dalam tempoh peralihan bagi memastikan penyata kewangan mematuhi sepenuhnya kehendak Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TERENGGANU

FAKTA UTAMA

Bilangan Agensi Negeri	**9**	Badan Berkanun Negeri
	7	Pihak Berkuasa Tempatan
	1	Majlis Agama Islam
Penyerahan dan Pengesahan Penyata Kewangan	**14**	Belum Disahkan
	3	Belum Diterima

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat sama ada penyata kewangan agensi negeri menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2023, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 17 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2022 yang terdiri daripada sembilan BBN, tujuh PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan di bawah enakmen tubuh agensi masing-masing, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi tiga BBN, dua PBT dan MAI manakala 11 penyata kewangan lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] yang memberi kuasa kepada Ketua Audit

Negara melantik mana-mana pihak yang berwibawa untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2022 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) telah menetapkan bahawa penyata kewangan tahun 2022 hendaklah dikemukakan berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam akta/enakmen tubuh agensi masing-masing. Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak 14 daripada 17 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 untuk diaudit. Sebanyak sembilan agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala baki lima agensi mengemukakan penyata kewangan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh daripada Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun, satu daripada lima agensi tersebut mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh enam hari selepas tarikh akhir kelulusan pelanjutan tempoh.

3.2. Tiga agensi negeri iaitu Yayasan Islam Terengganu (YIT), Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 untuk diaudit. Kesemua agensi terlibat telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan dan mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. LTAWNT diluluskan pelanjutan tempoh sehingga 30 September 2023 manakala PMINT pula sehingga 31 Oktober 2023. Bagaimanapun, YIT masih belum mengemukakan penyata kewangan walaupun diluluskan pelanjutan tempoh sehingga 30 Ogos 2023. Kedudukan penyerahan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022 setakat 31 Ogos 2023 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA (SETAKAT 31 OGOS 2023)
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Sumber Air Terengganu	15.05.2023
2.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	18.06.2023
3.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	09.07.2023*
4.	Yayasan Terengganu	31.07.2023*
5.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	06.08.2023**
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	30.08.2023*
7.	Yayasan Islam Terengganu	Belum Terima
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Belum Terima
9.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Belum Terima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	20.04.2023
2.	Majlis Perbandaran Dungun	24.05.2023
3.	Majlis Perbandaran Kemaman	31.05.2023
4.	Majlis Daerah Besut	31.05.2023
5.	Majlis Daerah Marang	31.05.2023
6.	Majlis Daerah Setiu	04.06.2023
7.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	18.06.2023
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	27.08.2023*

Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota: (*) - Mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri
(**) - Mengemukakan penyata kewangan selepas tarikh akhir kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan boleh diaudit. Penyata kewangan hendaklah mengandungi Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah yang bertandatangan (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan); pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan yang bertandatangan; dan dokumen serta jadual sokongan yang lengkap.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Agensi Persekutuan. Piawaian perakaunan yang diluluskan

oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia ialah Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS). MFRS adalah terpakai kepada agensi yang tertakluk di bawah undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab antaranya menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. JANM telah menerbitkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 [*Akta 2*] untuk diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta agensi Persekutuan dan Negeri. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2022

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)	1
2.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	16
JUMLAH		**17**

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara (KAN) mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil KAN yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan profesional juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-hal Lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil KAN yang merujuk kepada perkara selain daripada yang didedahkan atau dinyatakan dalam penyata kewangan. Pada pertimbangan juruaudit, perkara berkaitan adalah relevan kepada pemahaman pengguna mengenai pengauditan, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit

Perenggan yang meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. Perkara Utama Audit menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil KAN.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai diberikan terhadap penyata kewangan yang tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara atau juruaudit tidak memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tidak memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai dalam Sijil KAN. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat seperti berikut:

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu atau agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan adalah material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu atau agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, Penafian Pendapat turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan dan kesan kumulatif terhadap penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua 14 penyata kewangan bagi tahun 2022 yang telah diterima masih dalam proses pengauditan dan tindakan pensijilan oleh Jabatan Audit Negara. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2018	2019	2020	2021	2022
1.	Pendapat Tanpa Teguran	15	10	13	12	0
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara/Hal-hal Lain	0	2	1	3	0
3.	Pendapat Berteguran	1	4	2	2	0
4.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0	0
5.	Penafian Pendapat	0	0	0	0	0
JUMLAH		**16**	**16**	**16**	**17***	**0**

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2018 hingga 2022
Nota: (*) - Sebanyak 3 pensijilan penyata kewangan agensi negeri tahun 2021 telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 manakala 13 pensijilan lagi dilaporkan dalam LKAN Tahun 2022

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 17 agensi negeri bagi tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI NEGERI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Sumber Air Terengganu	Selesai diaudit dan dalam proses pensijilan
2.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	Pengauditan sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu
3.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	Pengauditan sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu
4.	Yayasan Terengganu	Pengauditan sedang dijalankan oleh pihak FAS
5.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	Pengauditan sedang dijalankan oleh pihak FAS
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	Pengauditan sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu
7.	Yayasan Islam Terengganu	Penyata Kewangan belum diterima
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Penyata Kewangan belum diterima
9.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Penyata Kewangan belum diterima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	Selesai diaudit dan dalam proses pensijilan
2.	Majlis Perbandaran Dungun	Selesai diaudit dan dalam proses pensijilan
3.	Majlis Perbandaran Kemaman	Selesai diaudit dan dalam proses pensijilan
4.	Majlis Daerah Besut	Selesai diaudit dan dalam proses pensijilan
5.	Majlis Daerah Marang	Pengauditan sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu
6.	Majlis Daerah Setiu	Pengauditan sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu
7.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	Pengauditan sedang dijalankan oleh pihak FAS
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	Pengauditan sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2022

Setakat 31 Ogos 2023, kesemua 14 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 yang telah diterima masih dalam proses pengauditan dan tindakan pensijilan oleh Jabatan Audit Negara.

5.6. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2021

5.6.1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Tahun 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat

(6 Oktober 2022) dan Dewan Undangan Negeri (28 November 2022) tidak melaporkan status Sijil KAN bagi kesemua 17 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Hal ini kerana 14 penyata kewangan agensi negeri tersebut masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2022.

5.6.2. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil KAN yang dikeluarkan terhadap 17 penyata kewangan tersebut ialah 12 agensi negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran; dua agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara; satu agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain; dan dua agensi diberikan Pendapat Berteguran. Analisis terperinci terhadap Sijil KAN mengenai Penyata Kewangan Agensi tahun 2021 bagi Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara, Perenggan Hal-hal Lain dan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA, PERENGGAN HAL-HAL LAIN DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA		
1.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT)	**Hartanah, Loji Dan Peralatan Terkurang Nyata Berjumlah RM436,480 dan Belanja Susut Nilai Terkurang Nyata Berjumlah RM8,474** i. LMNT telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan sistem penyaman udara di Kompleks Muzium Negeri Terengganu berjumlah RM650,700 yang merangkumi kerja menanggal penyaman udara dan kelengkapan yang lama, membekal dan memasang *air handling unit* (AHU), *control panel*, *adaptor duct* dan *preinsulated chilled water piping* bagi sembilan unit sistem penyaman udara. LMNT hanya merekodkan kos bagi pembekalan AHU tanpa mengambil kira keseluruhan kos projek dan kerja-kerja yang berkaitan selaras dengan MPSAS 17. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan telah terkurang nyata sejumlah RM241,400 dan belanja susut nilai terkurang nyata sejumlah RM6,035. ii. LMNT telah menaik taraf dan membaik pulih Dataran Batu Bersurat di Kompleks Muzium Negeri Terengganu berjumlah RM206,760. Selain itu, bayaran juga dibuat bagi kerja reka bentuk dan lukisan 3D Dataran Batu Bersurat tersebut sejumlah RM10,000. Bagaimanapun, pihak LMNT telah merekodkan kos-kos terlibat yang melebihi RM2,000 sahaja sebagaimana polisi perakaunan LMNT di dalam Hartanah, Loji dan Peralatan iaitu sejumlah RM191,680, manakala kos yang berkaitan lain telah direkodkan sebagai belanja. Kos keseluruhan projek termasuk kerja reka bentuk dan lukisan 3D boleh diklasifikasikan sebagai kos langsung sebagaimana MPSAS 17. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan telah terkurang nyata sejumlah RM25,080 dan belanja susut nilai terkurang nyata sejumlah RM314. iii. Dua kos projek iaitu menaik taraf Taman Herba sejumlah RM70,000 dan Sistem Pam Kolam Air sejumlah RM100,000 dijalankan melalui peruntukan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) tidak dipermodalkan. Projek naik taraf layak diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan berdasarkan MPSAS 17 Perenggan 14 sekiranya aset tersebut memberi atau menambahkan manfaat ekonomi kepada entiti dan kos aset tersebut boleh diukur dengan munasabah. Selain itu, projek tersebut menambahkan nilai dan fungsi kepada aset sedia ada dan juga kepada pihak LMNT. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan telah terkurang nyata sejumlah RM170,000 dan belanja susut nilai terkurang nyata sejumlah RM2,125.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT)	**Hartanah, Loji dan Peralatan Terkurang Nyata Sejumlah RM3.29 Juta dan Belanja Susut Nilai Terkurang Nyata Sejumlah RM67,072** Bangunan Perpustakaan Awam Kerteh yang siap sepenuhnya telah diserahkan kepada PPAT melalui Jabatan Kerja Raya dan kos bangunan tersebut berjumlah RM3.29 juta. PPAT tidak merekodkan aset berkenaan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan selaras dengan MPSAS 17 menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata sejumlah RM3.29 juta dan belanja susut nilai terkurang nyata sejumlah RM67,062. **Aset Tak Ketara Terkurang Nyata Sejumlah RM185,472 dan Belanja Pelunasan Terkurang Nyata Sejumlah RM37,755** Perolehan perisian sistem W-ILMU tidak direkodkan sebagai Aset Tak Ketara selaras dengan MPSAS 31 menyebabkan Aset Tak Ketara terkurang nyata sejumlah RM185,472 dan belanja pelunasan terkurang nyata sejumlah RM37,755.
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN		
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	PMINT perlu mengambil perhatian terhadap penyediaan penyata kewangan disatukan dengan memastikan jurnal penghapusan penyatuan akaun dibuat dengan betul. Ini bagi memastikan pelaporan baki dalam penyata kedudukan kewangan disatukan adalah tepat.
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)	**Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari** Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari berjumlah RM341 juta adalah termasuk Pelaburan Dalam Syarikat Duyong Marina Resort Sdn. Bhd. sejumlah RM2.10 juta dan Syarikat TW Bakti Sdn. Bhd. sejumlah RM31.50 juta. Pelaburan ini telah dilaporkan pada kos tanpa mengambil kira kerugian penjejasan nilai dalam tahun kewangan sejumlah RM20.21 juta. Ini menyebabkan hasil dan Kumpulan Wang Tabung telah terlebih lapor masing-masing sejumlah RM2.57 juta dan RM17.64 juta. **Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu** Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu iaitu PB Hotel Management Sdn. Bhd. dilaporkan pada kos sejumlah RM0.49 juta tanpa menggunakan kaedah ekuiti sepenuhnya. Ini menyebabkan keuntungan pelaburan dan nilai pelaburan syarikat bersekutu telah terkurang lapor masing-masing sejumlah RM1.30 juta dan RM0.15 juta.
2.	Yayasan Terengganu	**Keuntungan dan Hartanah Pelaburan Terkurang Nyata Sejumlah RM7.59 Juta** Bagi projek pembangunan di Mukim Chukai Kemaman, Yayasan Terengganu menerima komisen dalam bentuk tunai berjumlah RM197,575 dan lima unit rumah berkembar tiga tingkat bernilai RM7.59 juta. Bagaimanapun, Yayasan Terengganu hanya merekodkan komisen dalam bentuk tunai sahaja tanpa merekodkan komisen dalam bentuk rumah yang diterima. Perkara ini menyebabkan keuntungan dan hartanah pelaburan Yayasan Terengganu telah terkurang nyata sejumlah RM7.59 juta.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Tahun 2021

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 [*Akta 240*] dan enakmen tubuh agensi negeri masing-masing (kecuali Majlis Sukan Negeri Terengganu dan Lembaga Sumber Air Terengganu) serta Majlis Agama Islam telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi negeri yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN.

6.2. Setakat 31 Ogos 2023, daripada kesemua 17 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2021 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara, 13 telah dibentangkan di DUN manakala dua penyata kewangan lagi masih belum dibentangkan. Bagi Majlis Sukan Negeri Terengganu dan Lembaga Sumber Air Terengganu, undang-undang penubuhannya tidak menetapkan penyata kewangan perlu dibentangkan di DUN. Tarikh pembentangan bagi 13 penyata kewangan agensi tersebut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021 YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2023

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Yayasan Terengganu	15.03.2023
2.	Yayasan Islam Terengganu	15.03.2023
3.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	15.03.2023
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	15.03.2023
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	15.03.2023
6.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Belum dibentangkan
7.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Belum dibentangkan
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	28.11.2022
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	28.11.2022
3.	Majlis Perbandaran Dungun	28.11.2022
4.	Majlis Daerah Besut	28.11.2022
5.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	28.11.2022
6.	Majlis Daerah Marang	28.11.2022
7.	Majlis Daerah Setiu	28.11.2022
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	15.03.2023

Sumber: Minit Persidangan Kali Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Keempat Belas dan Minit Persidangan Kali Keempat Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Keempat Belas

7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2023, sebanyak 14 daripada 17 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 manakala tiga agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Kesemua 14 penyata kewangan tahun 2022 yang diterima masih dalam proses pengauditan dan tindakan pensijilan oleh Jabatan Audit Negara.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif oleh Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi keperluan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

8.1. agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit mengikut tempoh ditetapkan;

8.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan; dan

8.3. agensi negeri perlu mengambil tindakan proaktif dalam tempoh peralihan bagi memastikan penyata kewangan mematuhi sepenuhnya kehendak Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

BAHAGIAN IV

Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI TERENGGANU

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri.

- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

- Pengauditan dilaksanakan terhadap lima jabatan dan dua agensi seperti berikut:

  - kutipan hasil cukai tanah di Pejabat Tanah Dungun, Pejabat Tanah Kuala Nerus dan Pejabat Tanah Kemaman;

  - kutipan hasil duti hiburan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT);

  - terimaan hasil sewa beli Rumah Mampu Milik (RMM) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Perumahan);

  - kutipan hasil sewaan premis perniagaan di Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT); dan

  - kutipan tunggakan pinjaman Program Jaya Diri (PJD) di Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri dijalankan bagi menentukan sama ada:

  - kutipan hasil cukai tanah diuruskan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa;

  - hasil duti hiburan diuruskan dengan teratur mengikut akta, enakmen, garis panduan dan peraturan berkaitan duti hiburan yang berkuat kuasa;

  - terimaan hasil sewa beli RMM diuruskan dengan teratur selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa;

  - kutipan hasil sewaan serta tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan teratur mengikut undang-undang dan peraturan serta perjanjian yang berkuat kuasa; dan

  - kutipan tunggakan pinjaman PJD dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi akta, peraturan kewangan, garis panduan serta pekeliling yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- **Pejabat Tanah Dungun, Pejabat Tanah Kuala Nerus dan Pejabat Tanah Kemaman**

  - cukai tanah terkurang kutip berjumlah RM38,678 setahun.

- **Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu**

  - duti hiburan yang tidak dikutip berjumlah RM2.48 juta; dan

  - duti tiket pawagam tidak dikutip berjumlah RM26,377.

- **Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Perumahan)**

  - kutipan sewa beli berjumlah RM2.15 juta tidak diterima.

- **Majlis Daerah Hulu Terengganu**

  - tunggakan sewa sejumlah RM2.12 juta tidak dikutip.

- **Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu**

  - tunggakan pinjaman PJD berjumlah RM379,144 melibatkan 189 peminjam yang telah tamat tempoh perjanjian.

Apa yang disyorkan Audit?

Pihak Audit mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan dan pembetulan seperti berikut:

- **Pejabat Tanah Dungun, Pejabat Tanah Kuala Nerus dan Pejabat Tanah Kemaman**

  - menambah baik Prosedur Kualiti Penguatkuasaan Tanah Para 6.3 Pelanggaran Syarat Tanah yang memerlukan kepada pengesanan awal. Pemantauan juga boleh dilakukan dengan bantuan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

- **Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu**

  - mewujudkan kolaborasi dan penyelarasan di antara Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengemas kini maklumat lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan setiap pengusaha yang diluluskan lesen dan permit hiburan dikenakan duti hiburan, selain dapat digunakan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan oleh PPNT; dan

  - mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengutip hasil dan tunggakan duti hiburan yang belum berjaya dikutip.

- **Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Perumahan)**

  - membuat kutipan balik daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

- **Majlis Daerah Hulu Terengganu**

  - memastikan dokumen perjanjian sewaan ditandatangani antara MDHT dan penyewa mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949 [*Akta 120*] bagi menjaga kepentingan pihak yang berkontrak; dan
  - mengeluarkan notis tuntutan kepada penyewa secara berkala serta menjalankan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap penyewa yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan.

- **Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu**

  - memperketat dan menambah baik proses, mekanisme dan prosedur kutipan tunggakan pinjaman PJD; dan

  - meningkatkan penyeliaan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci terhadap bayaran balik selaras dengan garis panduan yang ditetapkan.

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI TERENGGANU

PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

2. Pada tahun 2022, sebanyak lima pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap lima jabatan dan dua agensi negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN BAGI TAHUN 2022

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Kutipan Hasil Cukai Tanah	Pejabat Tanah Dungun Pejabat Tanah Kuala Nerus Pejabat Tanah Kemaman
2.	Kutipan Hasil Duti Hiburan	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
3.	Terimaan Hasil Sewa Beli Rumah Mampu Milik	Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Perumahan)
4.	Kutipan Hasil Sewaan Premis Perniagaan	Majlis Daerah Hulu Terengganu
5.	Kutipan Tunggakan Pinjaman Program Jaya Diri	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

PEJABAT TANAH DUNGUN

PEJABAT TANAH KUALA NERUS

PEJABAT TANAH KEMAMAN

- Kutipan Hasil Cukai Tanah

KUTIPAN HASIL CUKAI TANAH

PEJABAT TANAH DUNGUN (PTD)
PEJABAT TANAH KUALA NERUS (PTKN)
PEJABAT TANAH KEMAMAN (PTK)

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada kutipan hasil cukai tanah diuruskan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

375
HAK MILIK Disemak

150
Lawatan Fizikal Audit

APA YANG SEPATUTNYA

Seksyen 52 Kanun Tanah Negara (KTN) (Akta 828)

- PERTANIAN
- BANGUNAN
- PERINDUSTRIAN

Pemilik tanah mematuhi kategori kegunaan tanah dan syarat nyata dalam dokumen hak milik (geran).

APA YANG BERLAKU



Mematuhi kategori kegunaan & syarat nyata tanah

Berbeza dengan kategori kegunaan & syarat nyata tanah

KESAN



RM 38,678
Cukai Tanah Tahun 2022 Terkurang Kutip

RUMUSAN AUDIT

Terdapat kelemahan dalam kutipan hasil cukai tanah khususnya melibatkan tindakan penguatkuasaan bagi pelanggaran syarat penggunaan tanah.

1
SYOR AUDIT

PEJABAT TANAH DUNGUN
PEJABAT TANAH KUALA NERUS
PEJABAT TANAH KEMAMAN

1. KUTIPAN HASIL CUKAI TANAH

FAKTA UTAMA

	CUKAI TANAH TAHUN 2022	
	Hasil Patut Dikutip (RM)	**Kutipan Sebenar (RM)**
PEJABAT TANAH DUNGUN	**5,155,181**	**4,425,205 (85.8%)**
PEJABAT TANAH KUALA NERUS	**2,439,883**	**1,875,698 (76.9%)**
PEJABAT TANAH KEMAMAN	**12,459,078**	**11,000,433 (88.3%)**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Tanah bertanggungjawab menguruskan pendaftaran tanah, memungut hasil tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan. Hasil utama Pejabat Tanah terdiri daripada premium tanah, cukai tanah dan permit. Pengurusan hasil cukai tanah bagi Pejabat Tanah adalah tertakluk kepada Akta Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 828*], Peraturan Tanah Terengganu, pekeliling yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Terengganu (PTG Terengganu).

1.2. Pejabat Tanah menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi urusan pendaftaran hak milik manakala Sistem Perakaunan Hasil Tanah (eSolar) digunakan bagi urusan pengeluaran bil cukai tanah dan kutipan hasil tanah. Sistem eSolar merupakan satu sistem maklumat tanah yang digunapakai oleh semua pejabat tanah negeri Terengganu di bawah seliaan PTG Terengganu. Sistem ini memudahkan orang awam dan pelanggan untuk mencetak bil cukai tanah tanpa perlu pergi ke pejabat tanah. Sistem ini juga memudahkan orang awam dan pelanggan untuk menyemak status tanah, keluasan tanah dan cukai tanah. Urusan pembayaran cukai tanah boleh dibuat secara dalam talian, melalui kaunter hasil di Pejabat Tanah, melalui kaunter kutipan luar yang dijalankan pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan atau melalui pos.

1.3. Pada 31 Disember 2022, prestasi kutipan cukai tanah semasa oleh Pejabat Tanah Dungun (PTD), Pejabat Tanah Kuala Nerus (PTKN) dan Pejabat Tanah Kemaman (PTK) adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KUTIPAN CUKAI TANAH TAHUN 2022

PEJABAT TANAH	ANGGARAN HASIL* (RM)	HASIL PATUT DIKUTIP (RM)	KUTIPAN SEBENAR (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)
Dungun	3,500,000	5,155,181	4,425,205	85.8
Kuala Nerus	800,000	2,439,883	1,875,698	76.9
Kemaman	8,500,000	12,459,078	11,000,433	88.3
JUMLAH	**12,800,000**	**20,054,142**	**17,301,336**	**86.3**

Sumber: Laporan Prestasi Hasil Pejabat Tanah
Nota: (*) – Bajet Kerajaan Negeri Terengganu

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada kutipan hasil cukai tanah diuruskan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi kutipan hasil cukai tanah bagi tahun 2022 di PTD, PTKN dan PTK. Pemilihan sampel tiga daripada lapan Pejabat Tanah Negeri Terengganu tersebut adalah berdasarkan kutipan cukai tanah tahun 2022 yang tertinggi, sederhana dan rendah. Semakan telah dibuat terhadap 375 sampel daripada 224,055 hak milik yang direkodkan dalam eSolar seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BILANGAN HAK MILIK YANG DISEMAK

PEJABAT TANAH	KESELURUHAN HAK MILIK	SAMPEL SEMAKAN AUDIT	SAMPEL LAWATAN FIZIKAL
Dungun	76,186	125	50
Kuala Nerus	62,492	120	50
Kemaman	85,377	130	50
JUMLAH	**224,055**	**375**	**150**

Sumber: eSolar

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menganalisis data daripada SPTB dan eSolar yang diperoleh daripada Bahagian Teknologi Maklumat di PTD, PTKN dan PTK bagi bulan Januari hingga Disember 2022. Semakan Audit juga melibatkan rekod pentadbiran dan pengurusan hasil tanah Pejabat Tanah di tiga daerah berkenaan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan fizikal bersama Penolong Pegawai Tanah menggunakan aplikasi telefon Locus GIS turut dijalankan. Pemilihan sampel lawatan fizikal dilaksanakan dengan menggunakan sistem MapInfo dan Google Earth.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Februari hingga Julai 2023. Maklum balas daripada PTD telah diterima pada 6 Julai 2023 manakala PTKN dan PTK telah diterima pada 9 Julai 2023. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 17 Julai 2023 dengan ketiga-tiga Pejabat Tanah tersebut bersama PTG Terengganu. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti berikut:

4.1. Cukai Tanah Terkurang Kutip Berjumlah RM38,678 Setahun

4.1.1. Mengikut Seksyen 52 Kanun Tanah Negara (KTN) [*Akta 828*], semua tanah yang diberi milik terbahagi kepada tiga kategori kegunaan tanah iaitu "pertanian", "bangunan" dan "perindustrian". Semua pemilik tanah sepatutnya menggunakan tanah berkenaan mengikut kategori kegunaan tanah dan syarat nyata dalam dokumen hak milik.

4.1.2. Pemilik boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengubah kategori penggunaan tanah dan pindaan syarat nyata atau sekatan kepentingan yang diendorskan di dalam dokumen hak milik tanah di bawah Perenggan 124(1)*(a)* dan *(c)* KTN.

4.1.3. Lawatan fizikal Audit telah dilakukan di lot tanah bagi 150 sampel Audit untuk pengesahan status kegunaan tanah berbanding kegunaan dan syarat nyata dalam dokumen hak milik. Hasil lawatan tersebut mendapati **status kegunaan tanah bagi 89 (59.3%) lot tanah berbeza dengan kegunaan dan syarat nyata tanah dalam dokumen hak milik (geran).** Semakan selanjutnya mendapati **tiada permohonan pengubahan syarat, sekatan dan kategori kegunaan tanah diterima oleh ketiga-tiga Pejabat Tanah tersebut menyebabkan cukai yang dikenakan masih mengikut kadar di geran. Perbezaan kadar ini menyebabkan cukai tanah terkurang**

kutip di PTD, PTKN dan PTK masing-masing berjumlah RM13,918, RM13,573 dan RM11,187 untuk tempoh setahun. Senarai lima lot tanah yang mempunyai cukai tanah terkurang kutip tertinggi bagi tiga daerah berkenaan adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERBANDINGAN CUKAI TANAH MENGIKUT KADAR YANG SEPATUTNYA KENA BAYAR

BIL.	GERAN				PENGGUNAAN SEBENAR		ANGGARAN PERBEZAAN CUKAI TAHUNAN (RM) (A)-(B)
	NOMBOR GERAN/ MUKIM	KELUASAN (METER PERSEGI)	KATEGORI KEGUNAAN TANAH (SYARAT NYATA)	CUKAI TAHUNAN (RM) (A)	KATEGORI DAN KADAR CUKAI	ANGGARAN CUKAI TAHUNAN (RM) (B)	
PEJABAT TANAH DUNGUN							
1.	PN 6259/ Sura	40,810	Perusahaan (Pusat Latihan)	10	Industri sederhana RM12/100 meter persegi	4,908	(4,898)
2.	GM 11563/ Sura	14,530	Tiada (Getah)	30		1,752	(1,722)
3.	GM 5928/ Kuala Paka	14,870	Tiada (Getah)	30		1,788	(1,758)
4.	GM 5209/ Kuala Dungun	17,330	Pertanian (Buah-buahan)	18	Kedai RM12/100 meter persegi	2,088	(2,070)
5.	GM 1557/ Jerangau	9,423	Pertanian (Padi)	5	Pusat Pendidikan RM12/100 meter persegi	1,140	(1,135)
PEJABAT TANAH KUALA NERUS							
1.	GM 12486/ Kuala Nerus	15,985	Bangunan (Kediaman)	160	Industri ringan RM8/100 meter persegi	1,280	(1,120)
2.	GM 4250/ Kuala Nerus	26,411	Bangunan (Kediaman)	265		2,120	(1,855)
3.	GM 1760/ Kuala Nerus	19,069	Tiada (Getah)	40		1,528	(1,488)
4.	GM 6710/ Kuala Nerus	15,800	Pertanian (Getah)	32	Pejabat RM12/100 meter persegi	1,896	(1,864)
5.	GM 1761/ Kuala Nerus	8,485	Bangunan (Sebuah Kediaman)	85	Kedai RM12/100 meter persegi	1,020	(935)
PEJABAT TANAH KEMAMAN							
1.	GM 240/ Kijal	8,372.946	Pertanian (Tiada)	9	Industri Sederhana RM12/100 meter persegi	1,008	(999)
2.	GM 6983/ Cukai	7,487	Pertanian (Kelapa Nyior)	10	Pusat Pendidikan RM12/100 meter persegi	900	(890)
3.	GM 6982/ Cukai	12,940	Pertanian (Kelapa Nyior)	16		1,560	(1,544)
4.	GM 2948/ Cukai	7,766	Pertanian (Buah-buahan)	8		936	(928)
5.	GM 926/ Kemasik	9,004.2555	Bangunan (Sebuah Kediaman)	91	Kedai RM12/100 meter persegi	1,092	(1,001)

Sumber: PTD, PTKN dan PTK

4.1.4. Perbezaan ini berlaku disebabkan tiada pemantauan dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan di PTD, PTKN dan PTK . Hal ini adalah kerana berdasarkan Prosedur Kualiti Penguatkuasaan Tanah Para 6.3 Pelanggaran Syarat Tanah menetapkan siasatan hanya dibuat selepas aduan pelanggaran syarat tanah diterima.

Maklum Balas PTD pada 6 Julai 2023

Notis secara pentadbiran bertarikh 5 Julai 2023 telah dikeluarkan kepada 15 lot tanah tersebut berkenaan pelanggaran syarat nyata bagi lot-lot tanah tersebut. Pemilik tanah diberikan masa 14 hari dari tarikh surat tersebut untuk hadir ke PTD untuk mengemukakan permohonan tukar syarat.

Maklum Balas PTKN pada 9 Julai 2023

Notis secara pentadbiran telah dikeluarkan pada 25 Jun 2023 kepada 39 lot tanah berkenaan pelanggaran syarat nyata bagi lot-lot tanah tersebut. Pemilik tanah diberi masa 30 hari daripada tarikh surat tersebut untuk meremedi semula tanah dan perlu hadir ke PTKN untuk mengemukakan permohonan tukar syarat.

Maklum Balas PTK pada 9 Julai 2023

PTK telah membuat *taskforce* pemutihan lot-lot berstatus industri buat masa sekarang. Susulan daripada penemuan pihak Audit, PTK akan mengambil tindakan selanjutnya ke atas pemilik-pemilik tanah tersebut dengan mengeluarkan surat untuk permohonan tukar syarat secara pentadbiran kepada pemilik-pemilik berkenaan.

Pernyataan Audit

Tiada pemantauan kegunaan tanah dilaksanakan menyebabkan kategori kegunaan dan syarat nyata tanah dalam geran tidak dipatuhi menyebabkan cukai tanah terkurang kutip berjumlah RM38,678 setahun.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, PTD, PTKN dan PTK berjaya mengutip cukai tanah berjumlah RM4.3 juta, RM1.88 juta dan RM11 juta pada tahun 2022. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan hasil cukai tanah khususnya melibatkan tindakan penguatkuasaan pelanggaran syarat penggunaan tanah. Hal ini kerana tiada pemantauan ke atas penggunaan tanah dijalankan di daerah menyebabkan cukai tanah terkurang kutip sejumlah RM38,678 setahun.

6. SYOR AUDIT

Pihak PTD, PTKN dan PTK hendaklah menambah baik Prosedur Kualiti Penguatkuasaan Tanah Para 6.3 Pelanggaran Syarat Tanah yang memerlukan kepada pengesanan awal. Pemantauan juga boleh dilakukan dengan bantuan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

- Kutipan Hasil Duti Hiburan

KUTIPAN HASIL DUTI HIBURAN

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Hasil duti hiburan diuruskan dengan teratur mengikut akta, enakmen, garis panduan dan peraturan berkaitan

SKOP PENGAUDITAN

Kutipan hasil duti hiburan oleh PPNT bagi tahun 2022

JUMLAH SEMAKAN

71 PREMIS

APA YANG SEPATUTNYA

Duti hendaklah dicaj, dilevi dan dibayar kepada pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan pada kadar yang ditetapkan Dewan Rakyat

25%

APA YANG BERLAKU

RM2.48 juta

Duti Hiburan Yang Tidak Dikutip

RM26,377

Duti Tiket Pawagam Tidak Dikutip

RM2.51 juta

Potensi kerugian hasil Kerajaan Negeri

RUMUSAN AUDIT

Kelemahan dalam pelaksanaan kutipan hasil duti hiburan

SYOR AUDIT

2

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

2. KUTIPAN HASIL DUTI HIBURAN

FAKTA UTAMA

KUTIPAN HASIL DUTI HIBURAN TAHUN 2022	
RM2.05 Juta	Hasil Dikutip
RM2.51 Juta	Hasil Tidak Dikutip
Akta dan Enakmen Kerajaan	• Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*] • Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Terengganu 2022 (Enakmen Bil. 12 Tahun 2002)

1. LATAR BELAKANG

1.1. Berdasarkan Bahagian III Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, hasil bagi duti hiburan adalah diserahkan kepada negeri. Subseksyen 4(1) Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*] menyatakan duti hendaklah dicaj, dilevi dan dibayar kepada pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan pada kadar yang ditetapkan Dewan Rakyat dari semasa ke semasa.

1.2. Bahagian Pengurusan Kewangan (Unit Hasil) di Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) bertanggungjawab mengakaunkan hasil duti hiburan di negeri Terengganu. Pegawai Kewangan Negeri (PKN) telah melantik Pegawai Daerah sebagai Pemungut Duti Hiburan di peringkat daerah masing-masing. Pegawai Daerah juga perlu membuat penyelarasan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk setiap aktiviti yang berkait dengan duti hiburan di mana kelulusan lesen dan permit hiburan adalah di bawah bidang kuasa PBT. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU
BERKAITAN KUTIPAN HASIL DUTI HIBURAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.3. Pengurusan hasil duti hiburan di negeri Terengganu tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan serta undang-undang yang berkaitan iaitu Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*], Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Terengganu 2002 (Enakmen Bil. 12 Tahun 2002) serta Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu. Pada tahun 2022, kutipan hasil duti hiburan di PPNT adalah sejumlah RM2.05 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi memastikan hasil duti hiburan diuruskan dengan teratur mengikut akta, enakmen, garis panduan dan peraturan berkaitan duti hiburan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan di PPNT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) dan Majlis Daerah Marang (MDM) terhadap kutipan hasil duti hiburan oleh PPNT bagi tahun 2022. Pemilihan sampel empat PBT tersebut adalah berdasarkan populasi lesen/premis hiburan tertinggi.

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan terhadap dokumen dan laporan berkaitan duti hiburan di negeri Terengganu bagi 71 premis/aktiviti hiburan dan empat PBT yang terlibat. Di samping itu, sesi temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal turut dijalankan di 12 premis hiburan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada proses semakan yang telah dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada 2 April hingga 8 Mei 2023 dan pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 22 Jun 2023. Maklum balas daripada PPNT telah diterima pada 27 Jun 2023. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 5 Julai 2023 bersama Timbalan PKN dengan pegawai daripada PBT (bahagian pelesenan) dan Pejabat Daerah yang terlibat. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Duti Hiburan yang Tidak Dikutip Berjumlah RM2.48 juta

4.1.1. Subseksyen 2(1) Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*] mentafsirkan hiburan termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan, permainan atau sukan yang kepadanya orang-orang dibenarkan masuk dengan bayaran. Subseksyen 4(1) Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*] pula menyatakan duti hendaklah dicaj, dilevi dan dibayar kepada pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan pada kadar yang ditetapkan Dewan Rakyat dari semasa ke semasa. Kadar Duti Hiburan adalah sebagaimana yang diluluskan dalam Dewan Rakyat yang bersidang pada 10 Mei 2001, iaitu duti hiburan dikenakan pada kadar 25% ke atas bayaran masuk ke mana-mana hiburan berkuat kuasa 1 Oktober 2001. Kerajaan Negeri telah melantik Pegawai Daerah sebagai pemungut hasil duti hiburan di daerah masing-masing.

4.1.2. Semakan Audit terhadap Senarai Pemegang Lesen (MBKT dan MDM) dan Laporan Sistem E-Lesen (MPK) mendapati 12 lesen hiburan seperti billiard/snuker, karaoke, boling dan pusat permainan keluarga serta dua permit hiburan telah diluluskan oleh MBKT, MPK dan MDM sepanjang tahun 2022.

4.1.3. Selain itu, semakan Audit juga mendapati terdapat 13 aktiviti hiburan lain seperti pameran binatang, taman tema air dan *water cruise* mengenakan tiket masuk kepada pengunjung. Bagaimanapun, **semakan silang terhadap Senarai Pemegang Lesen (MBKT, MDM dan MDHT) dan Laporan Sistem E-Lesen (MPK) mendapati kesemua aktiviti hiburan tersebut beroperasi tanpa lesen hiburan.**

4.1.4. Semakan lanjut Audit terhadap Laporan Urusniaga Akaun Hasil SPEKS di PPNT mendapati sejumlah RM2.05 juta hasil duti hiburan telah dikutip. Bagaimanapun, hasil duti hiburan bagi **27 aktiviti hiburan tidak dikutip oleh Pejabat Daerah dan diakaunkan pada tahun 2022.** Berdasarkan maklumat kutipan hasil yang diperoleh melalui PPNT, jumlah hasil bagi semua aktiviti adalah berjumlah RM9.92 juta. **Duti hiburan yang sepatutnya dikutip adalah berjumlah RM2.48 juta** seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI HIBURAN YANG TIDAK DIKUTIP DUTI HIBURAN

BIL.	JENIS HIBURAN	BILANGAN PREMIS/ AKTIVITI HIBURAN	JUMLAH KUTIPAN (A) (RM)	JUMLAH DUTI HIBURAN PATUT KUTIP (25% X A) (RM)
Lesen Hiburan				
1	Snuker	4	497,155	124,289
2	Karaoke	5	474,296	118,574
3	Boling	2	1,694,515	423,629
4	Pusat Permainan Keluarga	1	872,326	218,081
JUMLAH		**12**	**3,538,292**	**884,573**
Permit Hiburan				
1	Persembahan Pentas	1	93,700	23,425
2	Pameran Dinasour dan Pesta LED	1	18,580	4,645
JUMLAH		**2**	**112,280**	**28,070**
Hiburan Lain				
1	Sukan Luncur Ais	1	15,955	3,989
2	Galeri Muzium Dan Pameran Dinosaur	1	479,263	119,816
3	Water Cruise	3	1,483,561	370,890
4	Taman Tema Air	5	2,110,382	527,595
5	Pameran Binatang	2	1,949,845	487,461
6	Golf	1	231,018	57,755
JUMLAH		**13**	**6,270,024**	**1,567,506**
JUMLAH KESELURUHAN		**27**	**9,920,596**	**2,480,149**

Sumber: Senarai Pemegang Lesen (MBKT dan MDM) dan Laporan Sistem E-Lesen (MPK) serta Maklumat yang Diterima Daripada PPNT

4.1.5. Semakan Audit mendapati duti hiburan yang tidak dikutip adalah kerana maklumat berkaitan aktiviti hiburan yang diluluskan tidak dikemukakan oleh PBT kepada Pejabat Daerah sebagai pihak yang bertanggungjawab mengutip duti hiburan. Selain itu, tiada rekod menunjukkan pemantauan dilakukan oleh Pejabat Daerah dan PPNT bagi memastikan semua aktiviti hiburan yang dijalankan dibayar duti hiburan. Kesannya, **PPNT gagal mengutip hasil daripada duti hiburan bagi aktiviti atau program hiburan pada tahun 2022 sejumlah RM2.48 juta.**

Maklum Balas PPNT pada 27 Jun 2023

PPNT dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peningkatan Hasil Negeri Bil. 2 Tahun 2019 bertarikh 31 Oktober 2019 telah memaklumkan:

- PBT negeri Terengganu perlu memastikan pemohon lesen dan permit hiburan/penganjur acara hiburan menjelaskan duti hiburan; dan
- setiap aktiviti hiburan yang diluluskan hendaklah dimaklumkan kepada PPNT atau Pegawai Daerah berkaitan bagi tujuan kutipan duti hiburan.

Bagi membolehkan PPNT membuat penyusunan semula pelantikan wakil kepada pemungut hasil negeri untuk duti hiburan [*Akta 103*], satu surat rasmi telah dipanjangkan melalui e-mel bertarikh 6 Januari 2020 kepada Peguamcara Perbendaharaan Malaysia untuk mendapatkan penjelasan bagi tujuan memperkemaskan kaedah pungutan serta penguatkuasaan di bawah Akta 103.

Permohonan ini turut bertujuan untuk mendapatkan penjelasan berkaitan senarai jenis hiburan yang boleh ditentukan untuk dikenakan duti hiburan kerana Akta 103 tidak memperincikan apa-apa nama aktiviti yang boleh disenaraikan oleh negeri untuk dikenakan duti hiburan serta tiada klausa yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk memperincikan jenis dan aktiviti hiburan. Penjelasan juga diperlukan kerana Seksyen 3 Akta 103 memperuntukkan bahawa Pemungut adalah Menteri Kewangan. Bagaimanapun, tiada maklumbalas daripada Peguamcara Perbendaharaan Malaysia.

Oleh itu, PPNT telah menumpukan kepada duti hiburan terhadap aktiviti hiburan utama dalam negeri Terengganu yang mengenakan tiket bayaran masuk iaitu aktiviti pawagam (tiket wayang), pertunjukan pentas dan pertandingan sukan, taman tema atau mana-mana aktiviti hiburan yang diiklankan dalam media sosial. Perkara ini selaras dengan tafsiran dibawah Seksyen 2 dan Seksyen 4 Akta 103. Tindakan seterusnya adalah perancangan untuk melantik penyiasat dan penguatkuasa duti hiburan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Pengurusan Pejabat Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2023 bertarikh 7 Februari 2023.

PPNT juga telah merangka satu draf Pekeliling Perbendaharaan Negeri pada bulan Oktober 2022 bagi menjelaskan proses kerja kutipan bayaran duti hiburan dan dijangka disempurnakan pada tahun 2023 selepas melalui semakan perundangan dan penambahbaikan. PPNT juga menetapkan untuk menggunakan kadar 25% ke atas kutipan bayaran semua bentuk hiburan yang dikeluarkan lesen dan permit oleh PBT negeri Terengganu. Selain daripada itu, PPNT akan mengeluarkan surat tuntutan bayaran duti hiburan berdasarkan senarai aktiviti hiburan dalam penemuan audit selewat-lewatnya sebelum pertengahan bulan Julai 2023.

Pernyataan Audit | **Duti hiburan yang tidak dikutip menyebabkan potensi kerugian hasil Kerajaan Negeri sejumlah RM2.48 juta.**

4.2. Duti Tiket Pawagam Tidak Dikutip Berjumlah RM26,377

4.2.1. Subseksyen 5(1) Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*] menyatakan jika pemungut (PPNT/Pejabat Daerah) berpendapat bahawa apa-apa bayaran tambahan untuk masuk dan bayaran itu adalah lebih daripada yang biasanya kena dibayar bagi apa-apa benda, keistimewaan, hak atau peluang untuk mana-mana orang untuk menikmati hiburan tersebut, pemungut boleh memberi notis secara bertulis kepada tuan punya pusat hiburan itu tentang dapatannya dan duti hiburan hendaklah dikenakan, dilevi dan dibayar ke atasnya.

4.2.2. Semakan Audit mendapati sebuah syarikat telah mengenakan surcaj sebagai tambahan untuk bayaran masuk ke pawagam. Surcaj tersebut merupakan kos tambahan bagi tayangan yang menawarkan *special effect* 3D dan *dolby atmos.* Semakan Audit terhadap resit rasmi mendapati PPNT hanya mengutip duti hiburan pada kadar 25% berdasarkan harga tiket sahaja tidak termasuk surcaj tersebut.

4.2.3. Jumlah duti hiburan yang sepatutnya dikutip adalah sejumlah RM1.48 juta. Bagaimanapun, hanya sejumlah RM1.46 juta sahaja yang dikutip. **Surcaj sejumlah RM105,506 tidak termasuk dalam kiraan duti hiburan menyebabkan duti hiburan sejumlah RM26,377 tidak dikutip.** Semakan Audit mendapati duti hiburan tidak dikutip adalah kerana tiada semakan dilakukan terhadap rekod kutipan duti hiburan yang dikemukakan oleh syarikat tersebut.

Maklum Balas PPNT pada 27 Jun 2023

Kadar kiraan duti hiburan yang dibuat oleh PPNT adalah berdasarkan harga tiket masuk ke tempat hiburan. Pengenaan surcaj ini tiada dalam makluman PPNT dan tidak diisytiharkan semasa bayaran duti hiburan diterima daripada pengusaha pawagam. Oleh yang demikian, PPNT mengambil maklum pemerhatian Audit dan akan mengenakan duti hiburan sebanyak 25% ke atas surcaj yang dikenakan ke atas hiburan tambahan bagi hiburan sedia ada yang disediakan oleh pengusaha pawagam. Selain itu, PPNT akan mengeluarkan surat tuntutan bayaran duti hiburan bagi jumlah tidak dikutip selewat-lewatnya sebelum pertengahan bulan Julai 2023.

Pernyataan Audit	Duti hiburan yang tidak dikutip menyebabkan potensi kerugian hasil Kerajaan Negeri sejumlah RM26,377.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan kutipan hasil duti hiburan. Sejumlah RM2.51 juta hasil duti hiburan tidak dikutip. Perkara ini berlaku disebabkan tiada penjelasan terperinci berkaitan jenis hiburan yang boleh dikenakan duti hiburan.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan hasil duti hiburan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa, PPNT perlu menambah baik dan mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. mewujudkan kolaborasi dan penyelarasan di antara Pejabat Daerah dan PBT bagi mengemaskini maklumat lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan setiap pengusaha yang diluluskan lesen dan permit hiburan dikenakan duti hiburan, selain dapat digunakan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan oleh PPNT; dan

6.2. mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengutip hasil dan tunggakan duti hiburan yang belum berjaya dikutip.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU (BAHAGIAN PERUMAHAN)

- Terimaan Hasil Sewa Beli Rumah Mampu Milik

TERIMAAN HASIL SEWA BELI RUMAH MAMPU MILIK

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU (BAHAGIAN PERUMAHAN)

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada terimaan hasil sewa beli Rumah Mampu Milik (RMM) diuruskan dengan teratur selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

SKOP

Tahun 2020 - 2022

Jumlah Semakan

RM23.40 juta

APA SEPATUTNYA

Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) membuat bayaran balik kutipan sewa beli RMM kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu [SUK] (Bahagian Perumahan)

APA YANG BERLAKU

RM2.15 juta

Kutipan sewa beli dua projek Rumah Pangsapuri Mampu Milik (RPMM) tidak diterima oleh SUK (Bahagian Perumahan)

KESAN

POTENSI KEHILANGAN HASIL

RM2.15 juta

RUMUSAN AUDIT

Potensi kehilangan hasil bagi kutipan sewa beli dua projek RPMM yang tidak diterima daripada PMINT.

SYOR AUDIT

1

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU (BAHAGIAN PERUMAHAN)

3. TERIMAAN HASIL SEWA BELI RUMAH MAMPU MILIK

FAKTA UTAMA

Tahun	Terimaan Hasil Sewa Beli Rumah Mampu Milik
2020	RM10.44 Juta
2021	RM14.16 Juta
2022	RM23.40 Juta

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu [SUK] (Bahagian Perumahan) bertanggungjawab terhadap kawalan Kumpulan Wang Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu bagi tujuan pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) Negeri Terengganu. Antara terimaan Kumpulan Wang Amanah tersebut adalah kutipan sewa beli RMM daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). PMINT berperanan untuk mengutip sewa dan sewa beli projek perumahan Jabatan Perumahan Negara/RMM/Rumah Pangsa Mampu Milik (RPMM) sejak tahun 1972.

1.2. Mesyuarat Penyelarasan Akaun Amanah Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) yang dipengerusikan oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri (TPKN) pada 5 Disember 2019 memutuskan PMINT menyalurkan terimaan daripada kutipan sewa dan sewa beli RAKR kepada Kerajaan Negeri selepas ditolak kos penyenggaraan serta 10% yuran pengurusan. Mesyuarat Penyelarasan Akaun Amanah RAKR yang dipengerusikan oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri pada 5 Februari 2020 pula memutuskan PMINT perlu membuat bayaran balik kepada SUK (Bahagian Perumahan) tidak lewat 10 hari bulan setiap bulan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kali ke-14 Tahun 2020 yang bersidang pada 6 Mei 2020 bersetuju yuran pengurusan dinaikkan daripada 10% kepada 15%.

1.3. SUK (Bahagian Perumahan) telah menerima kutipan sewa beli RMM daripada PMINT berjumlah RM10.44 juta bagi tahun 2020 dan RM14.16 juta bagi tahun 2021. Sejumlah RM23.40 juta diterima oleh SUK (Bahagian Perumahan) daripada PMINT bagi tahun 2022.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada terimaan hasil sewa beli RMM diuruskan dengan teratur selaras dengan keputusan MMKN dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di SUK (Bahagian Perumahan) meliputi terimaan hasil sewa beli RMM bagi tahun 2020 hingga 2022. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan terimaan hasil sewa beli RMM daripada PMINT. Terimaan hasil sewa beli RMM yang disemak merujuk kepada bayaran balik yang dibuat oleh PMINT kepada SUK (Bahagian Perumahan). Semakan Audit dijalankan terhadap kesemua 65 baucar bayaran balik daripada PMINT bagi tahun 2022 berjumlah RM23.40 juta. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat turut dilaksanakan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Mei hingga Jun 2023. Maklum balas daripada SUK (Bahagian Perumahan) telah diterima pada 11 Julai, 1 Ogos dan 7 September 2023. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 18 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti berikut:

4.1. Kutipan Sewa Beli Berjumlah RM2.15 Juta Tidak Diterima

4.1.1. Mesyuarat Penyelarasan Akaun Amanah RAKR yang dipengerusikan oleh TPKN pada 5 Disember 2019 memutuskan PMINT menyalurkan terimaan daripada kutipan sewaan RAKR kepada Kerajaan Negeri selepas ditolak kos penyenggaraan dan 10% yuran pengurusan. MMKN kali ke-14 Tahun 2020 yang bersidang pada 6 Mei 2020 bersetuju yuran pengurusan dinaikkan daripada 10% kepada 15%.

4.1.2. Semakan Audit terhadap Laporan Tuntutan dan Terimaan RAKR mendapati hasil kutipan PMINT adalah berjumlah RM0.60 juta dan RM1.01 juta masing-masing bagi tahun 2020 dan 2021 daripada projek RPMM Ladang Gemilang 2 dan Pulau Duyung 2. Hasil kutipan sewa beli bagi dua projek tersebut pada tahun 2022 adalah berjumlah RM0.91 juta. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya terhadap baucar bayaran balik daripada PMINT mendapati PMINT tidak membuat bayaran balik kepada SUK (Bahagian Perumahan) bagi kutipan sewa beli tahun 2020 hingga 2022 daripada kedua-dua projek tersebut. Mengikut pengiraan Audit, **kutipan sewa beli RPMM berjumlah RM0.52 juta dan RM0.86 juta masing-masing bagi tahun 2020 dan 2021 tidak diterima oleh SUK (Bahagian Perumahan). Sejumlah RM0.77 juta tidak diterima oleh SUK (Bahagian Perumahan) bagi tahun 2022.** Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KUTIPAN SEWA BELI TIDAK DITERIMA

NAMA PROJEK	2020			2021			2022		
	KUTIPAN (RM)	YURAN PENGURUSAN (RM)	BAYARAN BALIK (RM)	KUTIPAN (RM)	YURAN PENGURUSAN (RM)	BAYARAN BALIK (RM)	KUTIPAN (RM)	YURAN PENGURUSAN (RM)	BAYARAN BALIK (RM)
Ladang Gemilang 2	393,488	54,665	338,823	677,322	101,598	575,724	468,977	70,347	398,630
Pulau Duyung 2	204,648	27,747	176,901	333,186	49,978	283,208	442,274	66,341	375,933
JUMLAH	**598,136**	**82,412**	**515,724**	**1,010,508**	**151,576**	**858,932**	**911,251**	**136,688**	**774,563**

Sumber: Laporan Tuntutan dan Terimaan RAKR PMINT bagi Tahun 2020 hingga 2022

4.1.3. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pemantauan daripada SUK (Bahagian Perumahan) terhadap bayaran balik daripada PMINT bagi kutipan sewa beli kedua-dua projek RPMM tersebut. Oleh itu, sejumlah RM2.15 juta tidak diterima oleh SUK (Bahagian Perumahan) daripada PMINT bagi tahun 2020 hingga 2022.

Maklum Balas SUK (Bahagian Perumahan) pada 11 Julai dan 1 Ogos 2023

SUK (Bahagian Perumahan) telah memohon PMINT mengemukakan punca kuasa atas tindakan PMINT tidak membuat bayaran balik kepada Kerajaan Negeri bagi projek RPMM Pulau Duyung 2 melalui surat bertarikh 3 Januari 2023. SUK (Bahagian Perumahan) telah memohon PMINT mengemukakan laporan terimaan bayaran sewa beli RPMM Pulau Duyung 2 dan membuat bayaran kepada Kerajaan Negeri sebelum atau pada 28 Februari 2023 melalui surat bertarikh 19 Januari 2023. Sehingga kini, PMINT masih gagal membuat bayaran kepada Kerajaan Negeri. SUK (Bahagian Perumahan) juga telah membangkitkan isu bayaran bagi RPMM Pulau Duyung 2 dan

Ladang Gemilang 2 dalam Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Bangunan Strata Negeri Terengganu pada 30 April 2023.

SUK (Bahagian Perumahan) telah mengeluarkan surat bertarikh 31 Julai 2023 mengarahkan PMINT membuat bayaran bagi kedua-dua projek berkenaan kepada Kerajaan Negeri bermula tahun 2020 sehingga kini seperti keputusan Mesyuarat Penyelarasan Akaun Amanah RAKR yang dipengerusikan oleh TPKN pada 5 Disember 2019.

Maklum Balas SUK (Bahagian Perumahan) pada 7 September 2023

PMINT melalui surat bertarikh 20 Ogos 2023 memaklumkan bayaran bagi RPMM Ladang Gemilang 2 telah dibuat kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) bermula kutipan Disember 2015 hingga Januari 2022. Bagi projek RPMM Pulau Duyung 2, tiada bayaran dibuat kepada LTAWNT mahupun Kerajaan Negeri sehingga kini. SUK (Bahagian Perumahan) melalui surat bertarikh 20 Ogos 2023 telah memohon LTAWNT mengemukakan keputusan/punca kuasa berhubung bayaran sewa RPMM Ladang Gemilang 2 dan Pulau Duyung 2 dibuat kepada LTAWNT. LTAWNT melalui surat bertarikh 6 September 2023 memaklumkan punca kuasa bayaran hasil sewaan bagi projek tersebut perlu dibuat kepada LTAWNT adalah berdasarkan hak milik bangunan yang telah diluluskan dan milikan diserahkan kepada pengurusan LTAWNT. LTAWNT juga masih dalam proses mencari dan meneliti keputusan MMKN berhubung bayaran balik dibuat kepada LTAWNT.

Pernyataan Audit	**Kutipan sewa beli RPMM yang tidak diterima daripada PMINT menyebabkan potensi kehilangan hasil Kerajaan berjumlah RM2.15 juta.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan SUK (Bahagian Perumahan) telah menerima kutipan sewa beli RMM daripada PMINT bagi tahun 2020 hingga 2022 berjumlah RM48 juta. Bagaimanapun, terdapat potensi kehilangan hasil berjumlah RM2.15 juta bagi kutipan sewa beli dua projek RPMM yang tidak diterima daripada PMINT.

6. SYOR AUDIT

SUK (Bahagian Perumahan) hendaklah membuat kutipan balik daripada PMINT bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

- Kutipan Hasil Sewaan Premis Perniagaan

KUTIPAN HASIL SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada:

Kutipan hasil sewaan serta tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan teratur mengikut undang-undang dan peraturan serta perjanjian yang berkuat kuasa

JUMLAH TUNGGAKAN

RM2.12 juta (Sehingga 31 Dis 2022)

850 Akaun Penyewa

APA SEPATUTNYA

Sewa dibayar setiap bulan seperti ditetapkan dalam perjanjian sewaan

APA YANG BERLAKU

RM2.12 juta
POTENSI KEHILANGAN HASIL

RM0.74 Juta — Tidak dikutip daripada penyewa yang telah tamat sewaan

RM1.38 Juta — Tidak dikutip daripada penyewa yang masih menyewa

SEBAB

Notis tuntutan tidak dikeluarkan

RUMUSAN AUDIT

- Tiada perjanjian sewaan
- Tindakan penguatkuasaan kurang berkesan

2 SYOR AUDIT

4. KUTIPAN HASIL SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN

FAKTA UTAMA

RM23.49 Juta
Jumlah keseluruhan pendapatan pada tahun 2022

RM2.23 Juta
Jumlah hasil sewaan premis perniagaan pada tahun 2022

RM2.12 Juta
Jumlah tunggakan hasil sewaan sehingga 31 Disember 2022

RM0.74 Juta
Jumlah tunggakan bagi penyewa yang tidak lagi menyewa melibatkan 388 akaun

RM1.38 juta
Jumlah tunggakan bagi penyewa yang masih menyewa melibatkan 462 akaun

1. LATAR BELAKANG

1.1. Seksyen 39, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] menyatakan bahawa hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah terdiri daripada semua cukai, kadar, sewa, bayaran lesen, dius dan lain-lain wang atau caj yang kena dibayar. Manakala Seksyen 72, Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk memiliki pelbagai jenis premis perniagaan seperti bangunan kedai, bazar, kios dan pasar serta menyewakannya untuk mendapatkan hasil.

1.2. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan penyewaan premis MDHT. Setiap penyewa akan disediakan perjanjian sewaan yang menyatakan dengan jelas kadar sewa bagi setiap bulan, tempoh penyewaan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh penyewa.

1.3. Pada tahun 2022, pendapatan MDHT adalah berjumlah RM23.49 juta yang terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan. Pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti sewaan premis perniagaan menyumbang sejumlah RM2.23 juta atau 9.5% daripada keseluruhan jumlah pendapatan MDHT. Manakala jumlah tunggakan hasil sewaan yang direkodkan sehingga 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM2.12 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada kutipan hasil sewaan serta tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan teratur mengikut undang-undang dan peraturan serta perjanjian yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MDHT meliputi kutipan tunggakan hasil sewaan sehingga 31 Disember 2022 yang berjumlah RM2.12 juta. Semakan terperinci telah dilaksanakan terhadap 65 atau 16.8% daripada 388 akaun penyewa yang tidak aktif dan telah tamat sewaan serta 107 atau 23.2% daripada 462 akaun penyewa aktif yang mempunyai tunggakan yang tinggi dan tertunggak melebihi tempoh dua tahun.

3.2. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, perjanjian sewaan, dokumen kewangan serta menganalisis data yang berkaitan dengan kutipan hasil sewaan. Selain itu, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan turut dilakukan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada 14 Februari hingga 22 Jun 2023. Maklum balas MDHT telah diterima pada 4 Julai dan 30 Ogos 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 4 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti di perenggan 4.1.

4.1. Tunggakan Sewa Sejumlah RM2.12 Juta Tidak Dikutip

a. Klausa dalam perjanjian sewaan oleh MDHT telah menjelaskan tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh setiap penyewa seperti berikut:

   i. Klausa 3 – penyewa hendaklah membayar sewa tanpa gagal dan tanpa perlu diminta secara bulanan tidak lewat daripada 14 hari bulan pada setiap bulan; dan

   ii. Klausa 6.1(c) – sekiranya penyewa gagal untuk membayar sewa selama tiga bulan berturut-turut, perjanjian sewaan akan terbatal dengan sendirinya tanpa MDHT perlu memberi sebarang peringatan atau pemberitahuan.

b. Subseksyen 6(1) Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*] menetapkan tiada sebarang tindakan boleh dibuat untuk mendapatkan kembali tunggakan hasil selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh tamat perjanjian sewaan.

c. Berdasarkan Laporan Tunggakan Sewa Premis MDHT, tunggakan sewa sehingga 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM2.12 juta. Daripada jumlah keseluruhan tunggakan, sejumlah RM0.74 juta yang melibatkan 388 akaun merupakan penyewa yang telah tamat sewaan dan tidak lagi menyewa di premis milik MDHT manakala sejumlah RM1.38 juta yang melibatkan 462 akaun merupakan penyewa yang masih menyewa.

4.1.1. Tunggakan Sewa Bagi Penyewa yang Telah Tamat Sewaan

a. Sejumlah RM200,028 (103 akaun) daripada keseluruhan jumlah tunggakan penyewa yang telah tamat sewaan merupakan tunggakan yang berusia antara satu hingga tiga tahun dan sejumlah RM261,690 (70 akaun) merupakan tunggakan yang berusia antara empat hingga enam tahun. Manakala baki sejumlah RM282,783 lagi yang melibatkan 215 akaun merupakan tunggakan yang berusia melebihi enam tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENGUMURAN TUNGGAKAN BAGI PENYEWA YANG TELAH TAMAT SEWAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	KAWASAN	TEMPOH PENGUMURAN						JUMLAH	
		1 HINGGA 3 TAHUN		4 HINGGA 6 TAHUN		6 TAHUN KE ATAS			
		BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)
1.	Kuala Berang	61	70,824	45	149,918	109	110,900	215	331,642
2.	Tanggol	22	83,141	14	35,785	76	86,031	112	204,957
3.	Penghulu Diman	2	1,310	-	-	10	13,145	12	14,455
4.	Hulu Berang	5	19,550	1	1,500	3	3,175	9	24,225
5.	Tersat	-	-	6	64,497	2	57,900	8	122,397
6.	Hulu Telemong	7	15,068	1	3,580	10	7,605	18	26,253
7.	Kuala Telemong	6	10,135	3	6,410	5	4,027	14	20,572
JUMLAH		**103**	**200,028**	**70**	**261,690**	**215**	**282,783**	**388**	**744,501**

Sumber: Fail Individu Penyewa dan Laporan Tunggakan Sewa Premis MDHT Tahun 2022

b. Semakan Audit dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati **empat akaun penghutang sewa dengan tunggakan berjumlah RM72,502 merupakan syarikat yang telah ditutup atau dalam proses penggulungan.** Butiran lanjut syarikat yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SYARIKAT YANG TELAH DITUTUP ATAU DALAM PROSES PENGGULUNGAN

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	NO. AKAUN	TAHUN TAMAT SEWAAN	STATUS TERKINI SYARIKAT*	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
1.	874729-V	1440	2016	Telah ditutup	54,850
2.	436170-M	827	2020	Dalam proses penggulungan	11,582
3.	52053-T	43 & 44	2002	Telah ditutup	5,670
4.	703369-M	1090	2012	Telah ditutup	400
JUMLAH					**72,502**

Sumber: Sistem MyData SSM

Nota: (*) - Status terkini berdasarkan semakan pada 17.07.2023

c. Semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pula mendapati sebanyak **60 akaun penghutang sewa dengan tunggakan berjumlah RM49,427 merupakan individu yang telah meninggal dunia.** Amaun tunggakan bagi setiap penghutang yang terlibat adalah antara RM10 hingga RM8,432. Senarai 10 penghutang yang telah meninggal dunia dengan jumlah tunggakan tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENGHUTANG SEWA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

BIL.	NO. AKAUN	TAHUN TAMAT SEWAAN	TARIKH MENINGGAL DUNIA*	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
1.	1325	2016	03.12.2019	8,432
2.	1313	2018	13.03.2022	4,410
3.	1404	2014	09.11.2018	3,870
4.	1450	2016	21.12.2021	3,075
5.	1365	2014	03.05.2015	2,245
6.	1397	2013	10.06.2018	2,210
7.	1705	2019	05.05.2019	1,950
8.	1206	2015	06.02.2015	1,925
9.	1322	2014	10.10.2019	1,680
10.	1352	2013	27.02.2022	1,300
JUMLAH				**31,097**

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara

Nota: (*) - Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada JPN pada 03.08.2023

d. Semakan terperinci Audit terhadap 65 daripada 388 sampel akaun penyewa yang telah tamat sewaan mendapati notis tuntutan tunggakan ada dikeluarkan kepada penyewa semasa tempoh sewaan masih berkuat kuasa. Bagaimanapun **selepas penyewaan tamat, tiada notis untuk menuntut tunggakan dikeluarkan oleh pihak MDHT kepada penyewa yang terlibat bermula dari tarikh tamat sewaan sehingga sekarang.** Ini

menyebabkan tiada pergerakan direkodkan terhadap baki tunggakan tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati notis tuntutan terakhir yang dikeluarkan kepada 32 penghutang telah melebihi tempoh enam tahun. Butiran lanjut penyewa yang telah tamat sewaan melebihi tempoh enam tahun adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENYEWA YANG TELAH TAMAT SEWAAN MELEBIHI TEMPOH ENAM TAHUN

BIL.	NO. AKAUN PENYEWA	TAHUN TAMAT SEWAAN	NOTIS TUNTUTAN TERAKHIR DIKELUARKAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
1.	43	2002	23.03.2006	2,835
2.	44	2002	23.03.2006	2,835
3.	125	2004	16.03.2004	980
4.	388	2006	08.08.2006	450
5.	233	2008	13.07.2008	2,970
6.	1090	2010	14.01.2010	400
7.	327	2010	09.11.2010	1,140
8.	1093	2010	06.12.2010	4,760
9.	421	2010	Tiada Maklumat	8,400
10.	1134	2011	13.04.2011	720
11.	1117	2011	30.11.2011	2,350
12.	1113	2012	27.03.2012	840
13.	1143	2012	06.11.2012	2,120
14.	1120	2012	Tiada Maklumat	1,725
15.	1307	2013	13.12.2012	4,200
16.	1209	2013	02.01.2013	975
17.	27	2013	17.02.2013	600
18.	866	2013	17.07.2013	3,850
19.	879	2013	19.08.2013	800
20.	17	2013	28.01.2014	210
21.	1404	2014	01.04.2014	3,870
22.	1394	2014	23.07.2014	1,320
23.	1469	2015	22.12.2014	1,730
24.	1420	2015	12.01.2015	1,255
25.	1341	2015	17.02.2015	3,080
26.	1206	2015	03.03.2015	1,925
27.	1357	2015	29.03.2015	3,115
28.	1327	2015	30.07.2015	925
29.	1324	2015	14.09.2015	3,450
30.	1389	2015	24.11.2015	9,200
31.	348	2015	Tiada Maklumat	2,400
32.	1299	2015	Tiada Maklumat	1,900
JUMLAH				**77,330**

Sumber: Fail Individu Penyewa dan Laporan Tunggakan Sewa Premis MDHT Tahun 2022

4.1.2. Tunggakan Sewa Bagi Penyewa yang Masih Menyewa

a. Sejumlah RM1.29 juta daripada keseluruhan tunggakan penyewa yang masih menyewa merupakan tunggakan yang berusia antara satu hingga tiga tahun, RM81,278 berusia antara empat hingga enam tahun manakala baki sejumlah RM5,530 lagi merupakan tunggakan yang berusia melebihi enam tahun. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENGUMURAN TUNGGAKAN BAGI PENYEWA YANG MASIH MENYEWA
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	KAWASAN	JUMLAH TUNGGAKAN			JUMLAH (RM)
		1 HINGGA 3 TAHUN (RM)	4 HINGGA 6 TAHUN (RM)	6 TAHUN KE ATAS (RM)	
1.	Kuala Berang	617,496	55,923	4,570	677,989
2.	Tanggol	473,066	14,880	-	487,946
3.	Penghulu Diman	42,525	8,570	960	52,055
4.	Hulu Berang	2,700	-	-	2,700
5.	Tersat	4,000	-	-	4,000
6.	Hulu Telemong	102,673	-	-	102,673
7.	Kuala Telemong	44,667	1,905	-	46,572
JUMLAH		**1,287,127**	**81,278**	**5,530**	**1,373,935**

Sumber: Fail Individu Penyewa Dan Laporan Tunggakan Sewa Premis MDHT Tahun 2022

b. Semakan Audit terhadap 107 daripada 462 sampel akaun penyewa yang masih menyewa mendapati **kesemua penyewa terlibat gagal untuk membayar sewa mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian sewaan sehingga berlaku tunggakan berjumlah RM672,088.** Bilangan bulan tertunggak melibatkan tempoh 10 hingga 111 bulan dengan amaun tunggakan antara RM880 hingga RM48,050 bagi setiap penyewa.

c. Semakan lanjut Audit mendapati **notis tuntutan tunggakan tidak dikeluarkan secara teratur kepada penyewa terlibat.** Dalam tahun 2022, notis tuntutan hanya dikeluarkan kepada 18 penyewa sahaja manakala baki 89 penyewa lagi tidak dikeluarkan sebarang notis. Pihak MDHT juga **tidak menyediakan perjanjian sewaan secara teratur.** Didapati sebanyak 11 penyewa tidak disediakan perjanjian sewaan sejak dari mula menyewa manakala sebanyak 96 penyewa lagi tidak diperbaharui dokumen perjanjian yang telah tamat tempoh.

4.1.3. Jumlah tunggakan yang tinggi ini berlaku disebabkan pihak MDHT tidak mengeluarkan notis tuntutan dan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penyewa yang gagal membayar sewa mengikut syarat yang ditetapkan dalam perjanjian. Selain itu, ketiadaan perjanjian yang sah dan tidak diperbaharui juga telah memberi peluang kepada penyewa untuk tidak membayar hutang bagi tempoh yang lama.

4.1.4. Ketiadaan perjanjian sewaan dan tindakan penguatkuasaan yang kurang berkesan menyebabkan tunggakan hasil sewaan berjumlah RM2.12 juta sukar untuk dikutip. Kelewatan untuk menuntut tunggakan sewa berjumlah RM0.74 juta melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Akta Had Masa 1953 daripada penyewa yang tidak lagi menyewa di premis milik MDHT berpotensi untuk tidak berjaya dikutip semula. Sekiranya keadaan ini berlaku, ianya akan menyebabkan kerugian kepada MDHT sekiranya hapus kira perlu dibuat terhadap tunggakan tersebut.

Maklum Balas MDHT pada 4 Julai dan 30 Ogos 2023

Bagi tunggakan yang melibatkan penyewa yang telah tidak menyewa, pihak MDHT dalam tindakan menghantar notis tuntutan. Manakala bagi tunggakan yang melibatkan syarikat yang telah ditutup, syarikat dalam proses penggulungan serta individu yang telah meninggal dunia, pihak MDHT dalam proses mengangkat kertas cadangan untuk dibuat hapus kira dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan selewat-lewatnya pada hujung tahun 2023 untuk kelulusan.

Bagi penyewa yang masih menyewa, pihak MDHT telah mengambil tindakan untuk menuntut tunggakan iaitu dengan menghantar notis peringatan kepada penyewa yang terlibat dan membatalkan penyewaan sekiranya penyewa masih enggan membayar tunggakan. Program libat urus melibatkan Ahli Majlis dengan penyewa juga telah dibuat bertujuan untuk memberi kelonggaran pembayaran tunggakan sewa secara berjadual sebagaimana yang dipersetujui oleh penyewa.

Pihak MDHT juga bercadang untuk melantik agensi pemungut hutang bagi membantu MDHT untuk mengutip tunggakan daripada penyewa yang telah tamat sewaan serta yang masih menyewa. Bagi penyewa yang tiada atau telah tamat tempoh perjanjian, pihak MDHT dalam tindakan menyediakan perjanjian baharu kepada setiap penyewa terlibat. Proses pelantikan agensi pemungut hutang dan penyediaan perjanjian sewaan ini akan diselesaikan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2024.

Pernyataan Audit	**Tunggakan hasil sewaan berjumlah RM0.74 juta yang tidak dikutip daripada penyewa yang telah tamat sewaan menyebabkan MDHT berisiko untuk kehilangan hasil.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pendapatan sewaan MDHT adalah berjumlah RM2.23 juta pada tahun 2022. Bagaimanapun, terdapat risiko kehilangan hasil sejumlah RM2.12 juta bagi tunggakan hasil sewaan premis milik MDHT. Perkara ini berlaku kerana ketiadaan perjanjian sewaan dan tindakan penguatkuasaan yang kurang berkesan.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kutipan hasil sewaan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan berkuat kuasa, MDHT disyorkan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

6.1. memastikan dokumen perjanjian sewaan ditandatangani antara MDHT dan penyewa mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949 bagi menjaga kepentingan pihak yang berkontrak; dan

6.2. mengeluarkan notis tuntutan kepada penyewa secara berkala serta menjalankan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap penyewa yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan.

YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

- Kutipan Tunggakan Pinjaman Program Jaya Diri

KUTIPAN TUNGGAKAN PINJAMAN PROGRAM JAYA DIRI

YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada kutipan tunggakan pinjaman Progran Jaya Diri (PJD) dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi akta, peraturan kewangan, garis panduan dan pekeliling yang berkuat kuasa.

Jumlah Semakan

Bilangan Peminjam
189

Tunggakan Pinjaman
RM379,144

APA YANG SEPATUTNYA

- Bayaran balik pinjaman **mengikut jadual**

APA YANG BERLAKU

RM379,144

- Bayaran pinjaman **tertunggak**

KESAN

TAHUN 2022

RM379,144
POTENSI KEHILANGAN HASIL

RUMUSAN AUDIT

Kelemahan dalam aspek kutipan tunggakan bayaran balik yang tidak mengikut garis panduan oleh YPKT.

2
SYOR AUDIT

YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

5. KUTIPAN TUNGGAKAN PINJAMAN PROGRAM JAYA DIRI (PJD)

FAKTA UTAMA

RM91.54 juta
Jumlah pinjaman PJD sehingga tahun 2022 kepada 21,141 peminjam

RM5.50 juta
Pembiayaan pinjaman PJD tahun 2022 kepada 494 peminjam

RM77.93 juta
Kutipan bayaran balik pinjaman PJD sehingga tahun 2022

RM2.48 juta
Tunggakan pinjaman PJD sehingga 31 Disember 2022 melibatkan 724 peminjam

1. LATAR BELAKANG

1.1. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) menawarkan pinjaman modal tunai perniagaan tanpa cagaran dan faedah di bawah Program Jaya Diri (PJD) sejak tahun 1995 kepada golongan isi rumah miskin yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan atau per kapita RM600. Objektif PJD adalah untuk melahirkan usahawan dan meningkatkan ekonomi di kalangan isi rumah miskin.

1.2. Pengurusan PJD dilaksanakan mengikut pembahagian kawasan parlimen iaitu Parlimen Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang, Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut. Setiap kawasan parlimen diketuai oleh seorang Pegawai YPK Kawasan (PK) dan dibantu oleh 4 orang Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM).

1.3. Sehingga 31 Disember 2022, YPKT telah meluluskan pinjaman PJD sejumlah RM91.54 juta kepada 21,141 peminjam dan telah menerima bayaran balik pinjaman daripada 18,410 peminjam berjumlah RM77.93 juta. Pada tahun 2022, YPKT telah meluluskan sejumlah RM5.50 juta pinjaman PJD kepada 494 peminjam dan menerima bayaran balik berjumlah RM5.00 juta. Tunggakan pinjaman PJD sehingga 31 Disember 2022 berjumlah RM2.48 juta melibatkan 724 peminjam seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PINJAMAN PJD SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BAKI PINJAMAN PJD		TUNGGAKAN PINJAMAN PJD	
BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH (RM Juta)
2,731	13.61	724	2.48

Sumber: Laporan Pinjaman PJD YPKT

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bertujuan untuk menentukan sama ada kutipan tunggakan bayaran balik bagi peminjam PJD dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi akta, peraturan kewangan, garis panduan serta pekeliling yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan terhadap tunggakan pinjaman PJD di Ibu Pejabat YPKT, pejabat YPKT Kawasan Kuala Terengganu dan Dungun bagi tahun 2022. Pemilihan pejabat kawasan yang dilawati dibuat berdasarkan jumlah tunggakan pinjaman yang tertinggi. Semakan telah dijalankan terhadap rekod pinjaman bagi 189 peminjam PJD yang masih mempunyai pinjaman tertunggak berjumlah RM379,144 melebihi 6 tahun selepas tamat tempoh perjanjian pinjaman.

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan terhadap dokumen dan rekod, analisis terhadap maklumat yang berkaitan dan temu bual serta perbincangan dengan pegawai dan pihak terlibat untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada 3 April 2023 hingga 31 Mei 2023 dan maklum balas daripada YPKT telah diterima pada 9 Julai 2023 dan 2 Ogos 2023. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 26 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Tunggakan Pinjaman PJD Berjumlah RM379,144 Melibatkan 189 Peminjam yang Telah Tamat Tempoh Perjanjian

a. Perenggan 3 kepada Perjanjian Pinjaman Modal Program Jaya Diri menyatakan, pinjaman hendaklah dibayar balik mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan

atau dengan peraturan bayar balik yang dipersetujui. Perenggan 4 pula menetapkan YPKT berhak membuat tuntutan kepada atau mendakwa peminjam bagi atau menuntut balik pinjaman itu atau mana-mana wang masih terhutang. Selain itu, berdasarkan Garis Panduan Kutipan Tunggakan/Hutang, notis hendaklah dihantar kepada peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman RM1,000 dan lebih dan tidak membuat bayaran balik pinjaman 3 bulan berturut-turut.

b. Panduan Proses Pinjaman PJD perenggan 15 berkenaan rekod tunggakan dan surat tuntutan PJD, Pegawai YPK Kawasan hendaklah menyediakan surat peringatan pertama dalam tempoh 14 hari, termasuk hari cuti, surat peringatan kedua dalam tempoh 7 hari termasuk hari cuti dan surat peringatan ketiga dalam tempoh 7 hari termasuk hari cuti setelah dimaklumkan oleh Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM) mengenai tunggakan bayaran balik oleh peminjam. Selepas surat peringatan ketiga tamat tempoh, nama peminjam yang mempunyai tunggakan perlu dihantar ke Bahagian Sosio Ekonomi, YPKT untuk tindakan lanjut.

c. Semakan Audit terhadap **189 peminjam yang mempunyai baki pinjaman tertunggak melebihi 6 tahun selepas tamat tempoh perjanjian pinjaman** mendapati perkara berikut:

4.1.1. Tunggakan Pinjaman PJD Berjumlah RM199,002 Melibatkan 95 Peminjam yang Mempunyai Perjanjian Pinjaman

Seramai **95 peminjam yang mempunyai perjanjian pinjaman ada membuat bayaran balik namun masih mempunyai tunggakan berjumlah RM199,002.** Tunggakan ini merupakan jumlah pinjaman yang dibuat pada tahun 2012 hingga 2013 yang belum dijelaskan oleh peminjam. Senarai 10 peminjam yang mempunyai tunggakan tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMINJAM YANG TELAH TAMAT TEMPOH PERJANJIAN PINJAMAN MELEBIHI 6 TAHUN

BIL.	NOMBOR PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BAYARAN SEBENAR DITERIMA (RM)	TARIKH PINJAMAN	TEMPOH TAMAT PINJAMAN	TEMPOH TUNGGAKAN (TAHUN)	BAKI PINJAMAN (RM)
1.	262605	10,000	3,859	15.05.2012	15.06.2015	7	6,141
2.	263703	7,000	2,134	13.10.2013	13.11.2016	6	4,866
3.	272002	6,000	1,000	21.12.2012	31.12.2016	6	5,000
4.	272005	7,000	3,892	25.11.2013	31.12.2016	6	3,108

BIL.	NOMBOR PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BAYARAN SEBENAR DITERIMA (RM)	TARIKH PINJAMAN	TEMPOH TAMAT PINJAMAN	TEMPOH TUNGGAKAN (TAHUN)	BAKI PINJAMAN (RM)
5.	282501	10,000	2,632	13.08.2012	13.09.2016	6	7,368
6.	282502	10,000	208	13.08.2012	13.09.2016	6	9,792
7.	282504	10,000	2,424	13.08.2012	13.09.2016	6	7,576
8.	021401	7,000	1,090	10.07.2012	10.08.2015	7	5,910
9.	062802	7,000	1,618	09.07.2013	09.08.2016	6	5,382
10.	201301	10,000	4,155	10.09.2013	10.10.2016	6	5,845

Sumber: Laporan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman PJD YPKT

4.1.2. Tunggakan Pinjaman PJD Berjumlah RM180,142 yang Melibatkan 94 Peminjam yang Tidak Mempunyai Perjanjian Pinjaman

Seramai **94 peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman berjumlah RM180,142 tidak mempunyai perjanjian pinjaman.** Tiada surat perjanjian pinjaman secara formal yang disediakan dan ditandatangani antara YPKT dengan peminjam mengikut Akta Kontrak 1949 [*Akta 120*] bagi menjaga kepentingan pihak yang berkontrak. YPKT hanya mengeluarkan borang Perakuan Terima Pinjaman Modal PJD dan syarat serta terma bayaran hanya dilafazkan secara ikrar oleh peminjam. Senarai 10 peminjam yang mempunyai tunggakan tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
PEMINJAM TERTUNGGAK YANG TIDAK MEMPUNYAI PERJANJIAN PINJAMAN

BIL.	NOMBOR PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BAYARAN BALIK DITERIMA (RM)	TARIKH PINJAMAN	TEMPOH TAMAT PINJAMAN	TEMPOH TUNGGAKAN (TAHUN)	BAKI PINJAMAN (RM)
1.	151401	5,000	1,100	20.03.2008	20.04.2011	11	3,900
2.	151409	5,000	1,242	17.07.2008	17.08.2011	11	3,758
3.	151412	5,000	188	04.11.2008	04.12.2011	11	4,812
4.	152601	8,000	2,350	21.09.2011	21.10.2016	6	5,650
5.	152604	5,000	1,039	12.09.2011	12.10.2014	8	3,961
6.	142502	7,000	2,974	29.11.2011	31.12.2015	7	4,026
7.	142504	10,000	6,244	23.11.2011	31.12.2016	6	3,756
8.	142506	8,000	2,594	23.11.2011	31.12.2016	6	5,406
9.	162302	10,000	3,155	10.05.2011	10.06.2016	6	6,845
10.	010125	5,000	414	28.12.2010	28.01.2014	8	4,586

Sumber: Laporan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman PJD YPKT

4.1.3. Perkara di atas berlaku disebabkan YPKT tidak menyemak lejar peminjam secara berkala. Selain itu, surat peringatan yang dikeluarkan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam panduan kerja kepada peminjam yang mempunyai

tunggakan dan didapati YPKT hanya mengeluarkan surat peringatan kali pertama terhadap 61 peminjam daripada 189 peminjam yang mempunyai tunggakan hanya pada 18 Disember 2022. Tindakan undang-undang tidak pernah diambil oleh YPKT terhadap peminjam yang mempunyai tunggakan walaupun perjanjian pinjaman telah tamat tempoh.

4.1.4. Ketiadaan dokumen perjanjian pinjaman untuk memperincikan tanggungjawab peminjam untuk membayar balik pinjaman mengikut jadual bayaran yang ditetapkan menyukarkan YPKT untuk mengutip semula tunggakan pinjaman tersebut. Selain itu, tindakan penguatkuasaan yang melibatkan perundangan juga sukar dilaksanakan terhadap peminjam yang tidak mempunyai perjanjian pinjaman.

4.1.5. Subseksyen 6(1) Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*] menetapkan tiada sebarang tindakan boleh dibuat untuk mendapatkan kembali tunggakan bayaran balik pinjaman selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh perjanjian matang. Oleh itu, kelewatan YPKT mengambil tindakan undang-undang sehingga melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Akta Had Masa 1953 menyebabkan YPKT berisiko untuk kehilangan hasil bayaran balik pinjaman PJD berjumlah RM379,144.

Maklum Balas YPKT pada 9 Julai 2023 dan 2 Ogos 2023

YPKT telah mengadakan Mesyuarat pada 13 Disember 2022 dan 3 Januari 2023 dan telah memberi penekanan kepada Pegawai YPK Kawasan (PK) dan Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM) bertanggungjawab supaya menghantar notis secara berkala kepada peserta yang tertunggak bayaran. YPKT juga telah menyediakan garis panduan dan dibentangkan kepada Pembantu Pembangunan Masyarakat semasa Program Pemantapan Kakitangan Sosio Ekonomi YPKT pada 16 hingga 18 Julai 2023 di Ayer Keroh D'Village oleh Ketua Penolong Pengarah Sosio Ekonomi ketika slot Pengurusan Pinjaman dan Tunggakan. YPKT juga telah mengadakan mesyuarat secara talian bersama semua PK pada 27 Julai 2023 bagi memperingatkan urusan tunggakan yang tidak dipungut menyebabkan kerugian kepada YPKT.

YPKT telah mengemas kini garis panduan dalam menangani kes-kes tunggakan bayaran balik pinjaman PJD. YPKT juga telah melantik pihak Rural Capital Berhad (RCB) pada 24 Ogos 2020 bagi mengesan dan menguruskan kutipan bayaran balik pinjaman PJD yang tertunggak. Segala keputusan untuk hapus kira tunggakan pinjaman PJD akan dibuat setelah semua langkah-langkah yang perlu dilaksanakan telah diambil tindakan

termasuklah tindakan undang-undang (jika perlu). Langkah terakhir dan keputusan hapus kira hanya boleh dibuat oleh pihak Jawatankuasa Lembaga Pemegang Amanah YPKT.

Pihak YPKT telah menyediakan perjanjian yang bersesuaian untuk ditandatangan oleh pihak peserta dan YPKT. Penggunaan sepenuhnya perjanjian pinjaman PJD kepada peserta mulai tahun 2012.

Pernyataan Audit | **Terdapat kelemahan kutipan bayaran balik yang menyebabkan tunggakan pinjaman berjumlah RM379,144.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, PJD telah memberi manfaat kepada 21,141 peminjam sehingga akhir tahun 2022 berjumlah RM91.54 juta. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam aspek kutipan tunggakan bayaran balik yang tidak mengikut garis panduan menyebabkan sebahagian peminjam masih tidak menjelaskan pinjaman. Perkara ini turut mendedahkan YPKT kepada risiko kehilangan hasil.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kutipan tunggakan pinjaman PJD dapat diurus dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan serta mematuhi garis panduan yang berkuat kuasa YPKT perlu mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. memperketatkan dan menambah baik proses, mekanisme dan prosedur kutipan tunggakan pinjaman PJD; dan

6.2. meningkatkan penyeliaan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci terhadap bayaran balik selaras dengan garis panduan yang ditetapkan.

BAHAGIAN V

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Terengganu

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI TERENGGANU

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. LKAN yang telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

BIL.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2021	28 November 2022
2.	Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2021 Siri 1	28 November 2022

Sumber: Minit Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu Keempat Belas

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh 1 September 2022 hingga 31 Julai 2023, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat satu kali iaitu pada 13 Oktober 2022. Mesyuarat diadakan bagi mendengar pembentangan daripada Pengarah Audit Negeri Terengganu berkenaan dua LKAN Negeri Terengganu serta kedudukan semasa isu-isu yang dibangkitkan dalam sistem Auditor General's Dashboard. Butiran ringkas mengenai perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BIL.	LKAN	JABATAN/AGENSI/ SYARIKAT	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
1.	Tahun 2019 Siri 1 – Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	TTI Management Sdn. Bhd.
2.	Tahun 2019 Siri 2 – Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Terengganu	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Pengurusan Hartanah Pelaburan

Sumber: Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu

PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2022 telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM288.33 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan Negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

a. Kerajaan Negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.

b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.

c. Setiap jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan pemantauan urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.

e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
12 September 2023

LAMPIRAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Kerajaan Negeri Terengganu dan Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 23.

